


KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA

# **PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2000**

**PANDUAN PENGURUSAN PERSONEL UNTUK  
AGENSI AWAM YANG AKAN DISWASTAKAN**



JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA



**KERAJAAN SERI PADUKA BAGINDA  
MALAYSIA**

---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2000**

---

**PANDUAN PENGURUSAN PERSONEL UNTUK  
AGENSI AWAM YANG AKAN DISWASTAKAN**

**TUJUAN**

1. Pekeliling ini bertujuan menguatkuasakan pemakaian **Panduan Pengurusan Personel Untuk Agensi Awam Yang Akan Diswastakan** (seperti di **Lampiran A**) untuk kegunaan semua agensi awam.

**LATAR BELAKANG**

2. Semenjak Dasar Penswastaan dilaksanakan oleh Kerajaan dalam tahun 1983, banyak agensi awam dan aktiviti yang dahulunya dilaksanakan oleh agensi awam telah diambilalih oleh pihak swasta. Untuk menjelaskan beberapa aspek penting mengenai dasar tersebut, Kerajaan, melalui Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, telah menerbitkan **Pelan Induk Penswastaan** pada tahun 1991.

Walau bagaimanapun aspek personel telah disentuh secara ringkas sahaja di dalam Pelan Induk berkenaan. Oleh itu, untuk membantu agensi awam melaksanakan dasar ini dengan cekap dan berkesan, khususnya berhubung dengan pengurusan personel, maka penerbitan satu panduan yang komprehensif dan terkini seperti Panduan di **Lampiran A** adalah penting.

3. Penerbitan **Panduan Pengurusan Personel Untuk Agensi Awam Yang Akan Diswastakan** ini bukan sahaja sebagai pelengkap kepada **Pelan Induk Penswastakan**, malahan ia juga bertujuan menggantikan panduan *ad hoc* bertajuk *Panduan Pengurusan Personel Untuk Urusan Penswastakan* yang digunapakai oleh Jabatan Perkhidmatan Awam selama ini.

#### **KANDUNGAN PANDUAN**

4. **Panduan Pengurusan Personel Untuk Agensi Awam Yang Akan Diswastakan** terdiri daripada 8 bab. Ia antara lain menghuraikan maksud beberapa istilah penting; tanggungjawab syarikat dan kementerian; opsyen; dan faedah pencen. Contoh beberapa dokumen penting yang digunakan dalam urusan penswastakan seperti Skim A, Skim B dan Kertas Opsyen juga dimasukkan sebagai lampiran untuk dijadikan rujukan.


#### **TARIKH KUATKUASA**

5. Pekeliling ini dan Panduan di **Lampiran A** dikuatkuasakan pemakaiannya mulai tarikh ianya dikeluarkan. Dengan berkuatkuasanya Panduan di **Lampiran A** maka semua urusan dan tindakan bersabit dengan aspek personel untuk agensi awam yang akan diswastakan hendaklah diuruskan mengikut peruntukan yang terdapat dalam Panduan tersebut.

## PEMAKAIAN

6. Peruntukan Pekeliling ini serta Panduan di **Lampiran A** terpakai kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan. Pemakaiannya kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan, tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa agensi berkenaan.

**“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”**



**(TAN SRI DATO' SAMSUDIN BIN OSMAN)**  
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam,  
Malaysia

JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA  
KUALA LUMPUR

Tarikh: **15** MEI 2000

Semua Ketua Setiausaha Kementerian  
Semua Ketua Jabatan Persekutuan  
Semua Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri  
Semua Pihak Berkuasa Berkanun  
Semua Pihak Berkuasa Tempatan

**PANDUAN PENGURUSAN  
PERSONEL UNTUK AGENSI  
AWAM YANG AKAN DISWASTAKAN**

**JABATAN PERKHIDMATAN AWAM  
MALAYSIA**

**MEI 2000**

## **PRAKATA**

Panduan *ad hoc* mengenai kaedah pengurusan personel agensi awam yang akan diswastakan yang digunapakai sekarang telah diterbitkan pada bulan Februari 1992 tetapi ia tidak pernah dikuatkuasa dan disebarikan secara rasmi melalui pekeliling atau surat pekeliling perkhidmatan. Untuk memastikan program penswastakan dapat dilaksanakan dengan lancar, teratur dan berkesan, maka penerbitan, penyebaran dan penguatkuasaan satu panduan yang komprehensif, khususnya mengenai aspek pengurusan personel, adalah perlu. Peluang ini juga dapat digunakan untuk memperbaiki dan mengemaskini beberapa peruntukan yang tidak lagi sesuai yang terdapat dalam panduan *ad hoc* yang dimaksudkan itu.

Panduan ini antara lain menghuraikan segala aspek berkaitan dengan pengurusan personel agensi awam yang akan diswastakan selaras dengan keputusan dasar yang terkandung dalam **Pelan Induk Penswastakan**, terbitan Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, 1991. Selain daripada itu, Panduan ini juga menghimpunkan peruntukan tertentu yang terdapat dalam Akta Pencen, 1980 (Akta 227), Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan, 1980 (Akta 239) dan undang-undang serta peraturan lain yang berkaitan. Senarai lengkap tajuk dokumen yang dimaksudkan seperti di **Lampiran VI**.

Mana-mana pihak yang ingin mendapatkan maklumat lanjut berhubung dengan aspek personel untuk agensi awam yang akan diswastakan bolehlah berhubung dengan pegawai Jabatan Perkhidmatan Awam, khususnya di Bahagian Perkhidmatan dan Bahagian Pencen.

Terima kasih.

## *KANDUNGAN*

<b>BAB</b>	<b>TAJUK</b>	<b>MUKA SURAT</b>
<b>BAB 1</b>	<b>DEFINISI ISTILAH</b>	9
<b>BAB 2</b>	<b>JENIS PENSWASTAAN</b>	11
	Bentuk Penswastaan	11
	Nasihat Pakar	12
<b>BAB 3</b>	<b>TANGGUNGJAWAB SYARIKAT</b>	13
	Tanggungjawab Syarikat Yang Mengambilalih	13
	Akta Pekerjaan 1955	15
<b>BAB 4</b>	<b>TANGGUNGJAWAB KEMENTERIAN DARI SEGI ORGANISASI DAN FUNGSI</b>	16
	Pembekuan Aktiviti Perjawatan	16
	Kajian Pengekalan Fungsi	16
	Penubuhan Badan Kawalselia	17
	Pemansuhan Jawatan	17
<b>BAB 5</b>	<b>TANGGUNGJAWAB KEMENTERIAN DARI SEGI PERSONEL</b>	18
	Jawatankuasa Kerja Terma dan Syarat Perkhidmatan	18
	Kelulusan Terma dan Syarat Perkhidmatan	18
	Mengemaskini Rekod Perkhidmatan Pegawai	18
	Menyediakan Kertas Opsyen	19
	Maklumat Sebelum Penswastaan	19

	Maklumat Selepas Penswastaaan	20
	Taraf Perkhidmatan	21
	Pegawai Yang Ada Ikatan Biasiswa	21
<b>BAB 6</b>	<b>OPSYEN</b>	<b>23</b>
	Dasar	23
	Jenis Opsyen	23
	Pertukaran Skim	24
	Pegawai Yang Layak Diberi Opsyen	24
	Pegawai Yang Tidak Layak Diberi Opsyen	26
	Gagal Membuat Opsyen	27
	Status Pegawai Selepas Opsyen	27
<b>BAB 7</b>	<b>SYARAT PENCEN</b>	<b>28</b>
	Syarat Pencen Di Bawah Skim A dan Skim B	28
	Pembayaran Ganjaran	31
	Pencen Pegawai Yang Tidak Memasuki Syarikat	31
	Pencen Terbitan	32
<b>BAB 8</b>	<b>PELBAGAI</b>	<b>35</b>
	Dokumen Pencen	35
	Persaraan Pilihan Sendiri	35
	Kemudahan Rumah Kerajaan	35
	Kemudahan Pinjaman	36
	Rawatan Perubatan	36



## LAMPIRAN

I	<u>Contoh</u> : Terma Dan Syarat Perkhidmatan Skim A	37
II	<u>Contoh</u> : Terma Dan Syarat Perkhidmatan Skim B	41
III	<u>Contoh</u> : Kertas Opsyen Untuk Pegawai Perkhidmatan Awam	48
IV	<u>Contoh</u> : Kertas Opsyen Untuk Pekerja Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan	72
V	Dokumen Persaraan	93
VI	Dokumen Yang Berkaitan Dengan Pengurusan Personel Untuk Tujuan Penswastan	95

## BAB 1

### DEFINISI ISTILAH

Dalam Panduan ini -

**agensi** atau **agensi awam** bermaksud kementerian (Persekutuan dan Negeri), jabatan (Persekutuan dan Negeri), Pihak Berkuasa Berkanun (Persekutuan dan Negeri) dan Pihak Berkuasa Tempatan, sama ada keseluruhan organisasi agensi berkenaan ataupun sebahagian daripadanya.

**Badan kawalselia** bermaksud organisasi yang dibentuk oleh kementerian (dengan persetujuan Jabatan Perkhidmatan Awam dan Perbendaharaan Malaysia) untuk menyelia dan mengawal perjalanan syarikat swasta yang mengambilalih agensi awam yang diswastakan.

**Gaji akhir** bermaksud:

- (i) Bagi tujuan menetapkan gaji permulaan di syarikat, ialah gaji hakiki bulanan yang diterima sehari sebelum tarikh penswastakan; dan
- (ii) Bagi tujuan pengiraan faedah pencen, ialah gaji hakiki di jawatan yang telah disahkan yang diterima sebelum tarikh penswastakan.

**Kementerian** bermaksud kementerian yang bertanggungjawab ke atas agensi yang akan diswastakan.

**Pegawai** atau **pekerja** bermaksud pegawai yang dilantik berkhidmat dan dibayar emolumen oleh agensi awam dan syarikat.

**Pegawai berpencen** atau **pekerja berpencen** bermaksud pegawai agensi awam yang telah diberi taraf pekerja berpencen.

**Pemindahan kontrak** bermaksud persetujuan Kerajaan membenarkan pegawai yang telah ditaja di bawah biasiswa/Hadiah Latihan Persekutuan (HLP), yang masih mempunyai kontrak berkhidmat dengan Kerajaan, untuk terus berkhidmat di agensi yang diswastakan, bagi menyempurnakan baki ikatan kontrak mereka.

**Penswastaan** bermaksud proses pemindahan aktiviti atau fungsi yang pada tradisinya merupakan milik atau tanggungjawab agensi awam, kepada syarikat swasta. Definisi ini boleh dipakai kepada agensi awam yang sedia ada dan juga projek baru yang pada kebiasaannya dilaksanakan oleh agensi awam<sup>1</sup>. Untuk tujuan Panduan ini, 'pengkorporatan' membawa maksud yang sama dengan **penswastaan**.

**Perkhidmatan gunasama** bermaksud perkhidmatan yang ketua perkhidmatannya ialah Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam dan Akauntan Negara.

**Perkhidmatan kader** bermaksud perkhidmatan yang terdapat di lebih daripada sebuah agensi tetapi tanggungjawab dari segi pengisian dan urusan perkhidmatan penyandangannya terletak pada ketua perkhidmatan yang berada di sebuah agensi yang tertentu.

**Perkhidmatan Kerajaan** bermaksud perkhidmatan yang menggunakan sistem saaran dan syarat perkhidmatan Kerajaan.

**Syarikat** bermaksud syarikat swasta atau mana-mana pihak lain yang diberi kelulusan oleh Kerajaan untuk mengambilalih sesebuah agensi awam dan menguruskannya sebagai syarikat swasta.

---

<sup>1</sup> Disesuaikan daripada definisi yang diberikan oleh Unit Perancang Ekonomi dalam *Pelan Induk Penswastaan*, Kuala Lumpur, 1991, m.s. 15.

## BAB 2

### JENIS PENSWASTAAN

#### Bentuk Pemsastaan

2.1 Pemsastaan boleh dilaksanakan dalam bentuk seperti berikut<sup>2</sup>:

- (i) **Penjualan Aset atau Ekuiti**: ia melibatkan pemindahan ketiga-tiga komponen sesebuah agensi awam, iaitu tanggungjawab pengurusan, aset dan pegawai;
- (ii) **Pajakan**: ia melibatkan pemindahan hak menggunakan aset tertentu dengan bayaran untuk suatu tempoh yang ditetapkan;
- (iii) **Kontrak Pengurusan**: kaedah ini melibatkan penggunaan kepakaran pengurusan syarikat swasta untuk mengurus sesebuah agensi awam di mana Kerajaan membayar yuran pengurusan;
- (iv) **'Bina-Kendali-Pindah' (BKP) atau 'Bina-Kendali' (BK)**: kedua-dua kaedah ini digunakan bagi pemsastaan projek baru yang secara tradisinya dimajukan oleh agensi awam;
- (v) **'Bina-Serah' dan 'Bina-Pajak-Serah'**: projek yang dibina oleh pihak swasta dan diserahkan kepada Kerajaan setelah siap, atau dibina dan disewa kepada Kerajaan sebelum diserahkan sepenuhnya; dan
- (vi) **'Management-Buy-Out' atau 'MBO'**: agensi awam diambilalih dan diuruskan sebagai sebuah syarikat oleh pihak pengurusan.

---

<sup>2</sup> *Ibid*, m.s. 25-27.

- 2.2 Panduan ini hanya terpakai kepada penswastaaan agensi awam yang pegawainya dibayar emolumen dan menikmati kemudahan serta syarat perkhidmatan di bawah sistem saraan Kerajaan.

### **Nasihat Pakar**

- 2.3 Setiap agensi awam yang ingin menswastakan sebarang organisasi, fungsi atau aktiviti masing-masing, sama ada mengikut salah satu bentuk di perenggan 2.1 di atas ataupun melalui kaedah yang lain, adalah dinasihatkan supaya berunding terlebih dahulu dengan Unit Perancang Ekonomi (Jabatan Perdana Menteri) dan Jabatan Perkhidmatan Awam untuk mendapat nasihat serta panduan. Ini perlu supaya urusan penswastaaan tersebut dapat dimunafatkan secara optimum oleh agensi berkenaan khususnya dan Kerajaan amnya. Perundingan tersebut juga penting demi menjaga kepentingan dan kebajikan pegawai terbabit.

## BAB 3

### TANGGUNGJAWAB SYARIKAT

#### Tanggungjawab Syarikat Yang Mengambilalih

3.1 Syarikat yang mengambilalih agensi awam yang diswastakan bertanggungjawab:

- (i) mengambil kesemua pegawai yang telah menyatakan persetujuan mereka (melalui suatu opsyen) untuk memasuki perkhidmatan syarikat;
- (ii) menyediakan terma dan syarat perkhidmatan yang secara pakejnya tidak kurang baik (*no less favourable*) daripada terma dan syarat perkhidmatan Kerajaan<sup>3</sup>. Penggubalan terma dan syarat perkhidmatan hendaklah dibuat melalui rundingan antara syarikat dengan kementerian dan agensi yang hendak diswastakan bagi memastikan pegawai mendapat tawaran yang terbaik;
- (iii) menawarkan pilihan dua skim perkhidmatan, iaitu:
  - (a) Skim A: skim yang menawarkan gaji, elaun, imbuhan, kemudahan cuti dan kemudahan rawatan perubatan yang sama dengan apa yang sedang diterima oleh pegawai semasa mereka berkhidmat dengan agensi awam. Contohnya seperti di **Lampiran I**; dan
  - (b) Skim B: skim yang mengandungi terma dan syarat perkhidmatan syarikat yang bercorak komersial<sup>4</sup>, yang tidak kurang baiknya (as

---

<sup>3</sup> *Ibid*, m.s.28.

<sup>4</sup> *Ibid*, m.s.28.

*a package*) dibandingkan dengan terma dan syarat perkhidmatan agensi awam. Contohnya seperti di **Lampiran II**;

- (iv) melantik semua pegawai yang bersetuju memilih untuk berkhidmat dengannya, tanpa mengira jenis skim perkhidmatan yang telah mereka pilih;
- (v) membayar kepada pegawai elaun atau imbuhan tertentu yang tidak termasuk dalam formula pemindahan gaji, kecuali Elaun Memangku, Elaun Menjalankan Tugas Rasmi Di Luar Pejabat dan Elaun Tanggungan Kerja, sebagai sebahagian daripada gaji permulaan mereka di syarikat;
- (vi) memastikan setiap pegawai yang diserapkan ke dalam perkhidmatan syarikat tidak diberhentikan dalam tempoh 5 tahun pertama, dikira daripada tarikh kuatkuasa penswastaan, melainkan atas sebab kesihatan<sup>5</sup> atau kesalahan tata tertib dan pelaksanaan dasar pengurangan pekerja (*retrenchment*) yang dipersetujui oleh Kerajaan;
- (vii) menghalang kemasukan ke dalam perkhidmatan syarikat atau subsidiarinya pegawai yang telah memilih untuk dibersarakan di bawah subperenggan 10(5)(b) Akta 227 atau Akta 239. Jika ada di kalangan mereka yang perkhidmatannya benar-benar diperlukan, pihak syarikat boleh memohon pengecualian daripada Jabatan Perkhidmatan Awam untuk dipertimbangkan;
- (viii) memastikan pegawai yang masih ada ikatan perjanjian biasiswa yang memilih berkhidmat dengan syarikat mematuhi syarat yang ditetapkan dalam kertas opsyen dan juga syarat dalam perjanjian biasiswa/HLP yang telah mereka tandatangani sebelum itu;

---

<sup>5</sup> *Ibid*, m.s. 28.

- (ix) bagi pegawai yang sedang bercuti belajar dan memilih untuk memasuki syarikat, maka syarikat perlu berunding dengan penganjur mengenai pihak yang akan meneruskan pembiayaan kursus mereka; dan
  - (x) memastikan pegawai yang memilih Skim A terus menikmati kemudahan yang layak mereka terima, yang ditawarkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa.
- 3.2 Tanggungjawab yang dinyatakan di atas hendaklah dimasukkan di dalam perjanjian konsesi (*concession agreement*) atau terma dan syarat perkhidmatan yang dilampirkan kepada perjanjian konsesi.
- 3.3 Jika perkhidmatan pegawai ditamatkan oleh syarikat, sama ada atas dasar pengurangan pekerja atau atas sebab kesihatan<sup>6</sup>, dengan persetujuan Kerajaan, maka berdasarkan cara persaraan yang mereka pilih melalui opsiyen pada tarikh penswastan:
- (i) pegawai berkenaan layak dipertimbangkan bayaran pencen, ganjaran atau faedah yang lain serta-merta, mulai tarikh perkhidmatan mereka ditamatkan, di bawah subseksyen 12A(4) Akta 227 atau subseksyen 13(4) Akta 239, sekiranya penamatan perkhidmatan berlaku sebelum pegawai mencapai umur 45 tahun (bagi perempuan) atau 50 tahun (bagi lelaki), atau pada umur 55 tahun mengikut subseksyen 12A(2) Akta 227 atau subseksyen 13(2) Akta 239; dan
  - (ii) dibayar pencen apabila mereka mencapai umur kelayakan yang ditetapkan di bawah subseksyen 12(1) Akta 227 atau Akta 239.

### **Akta Pekerjaan 1955**

- 3.4 Sebagai sebuah syarikat swasta, syarikat yang mengambilalih agensi awam juga tertakluk kepada peruntukan berkaitan dengan pekerja yang terdapat dalam Akta Pekerjaan 1955<sup>7</sup>.

---

<sup>6</sup> Subseksyen 12A(4) Akta 227 atau subseksyen 13(4) Akta 239.

<sup>7</sup> Akta 265.



## **BAB 4**

### **TANGGUNGJAWAB KEMENTERIAN DARI SEGI ORGANISASI DAN FUNGSI**

#### **Pembekuan Aktiviti Perjawatan**

- 4.1 Apabila keputusan muktamad<sup>8</sup> telah dibuat oleh Kerajaan untuk menswastakan sesebuah agensi atau aktiviti dan fungsinya, sama ada keseluruhan ataupun sebahagian daripadanya, maka pewujudan jawatan baru, penggredan semula, pengagihan jawatan, pengambilan baru, pertukaran keluar dan masuk pegawai dan pengisian jawatan kosong hendaklah dibekukan. Langkah ini bertujuan memastikan proses penswastakan berjalan lancar dan mencapai matlamatnya.
- 4.2 Sekiranya pelaksanaan dan penguatkuasaan keputusan Jemaah Menteri yang dimaksudkan di perenggan 4.1 di atas mengambil masa lebih daripada 3 bulan dan kertas opsyen masih belum dikeluarkan, maka kementerian boleh memohon kepada Bahagian Pembangunan Organisasi atau Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam bagi melonggarkan pembekuan tersebut.

#### **Kajian Pengekalan Fungsi**

- 4.3 Kajian dan tindakan hendaklah diambil jika ada fungsi yang akan dikekalkan atau fungsi baru yang perlu diwujudkan sebagai fungsi Kerajaan. Tindakan itu termasuklah mengenalpasti jenis tugas yang terlibat, kemahiran dan jawatan yang diperlukan, jentera pelaksanaannya, atau diwujudkan sebuah badan baru seperti badan kawalselia dan sebagainya, serta struktur organisasi yang dicadangkan.

---

<sup>8</sup> Keputusan menswastakan sesebuah agensi itu dianggap telah muktamad apabila Jemaah Menteri memutuskan supaya penswastakan agensi berkenaan dilaksanakan.

## **Penubuhan Badan Kawalselia**

- 4.4 Jika penubuhan badan kawalselia didapati perlu, kementerian hendaklah membuat cadangan terhadap keperluan perjawatannya untuk dipertimbangkan oleh Bahagian Pembangunan Organisasi, Jabatan Perkhidmatan Awam. Penubuhannya perlu diselesaikan segera supaya pemilihan pegawai untuk menganggotai badan kawalselia itu dapat dilakukan sebelum kertas opsyen dikeluarkan.
- 4.5 Badan kawalselia bertanggungjawab:
- (i) melaksanakan kuasa dan fungsinya seperti yang dinyatakan dalam undang-undang dan peraturan yang berkaitan, iaitu termasuk tugas menyelia dan mengawal perjalanan sektor industri yang melibatkan syarikat yang mengambilalih agensi yang diswastakan; dan
  - (ii) memastikan syarikat melaksanakan tanggungjawabnya seperti yang telah dipersetujui dalam perjanjian konsesi dan yang ditetapkan dalam Panduan ini.

## **Pemansuhan Jawatan**

- 4.6 Apabila fungsi sesebuah agensi awam itu diswastakan, maka semua jawatan yang berkaitan dengan fungsi berkenaan akan dimansuhkan. Pemansuhan jawatan ini akan ditunjukkan dalam Waran Perjawatan<sup>9</sup> atau melalui Surat Kuasa yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia.

---

<sup>9</sup> Arahan 48(a) Arahan Perbendaharaan.

## BAB 5

### TANGGUNGJAWAB KEMENTERIAN DARI SEGI PERSONEL

#### Jawatankuasa Kerja Terma Dan Syarat Perkhidmatan

- 5.1 Kementerian bertanggungjawab membentuk sebuah **Jawatankuasa Kerja Terma dan Syarat Perkhidmatan** yang ahlinya terdiri daripada wakil Jabatan Perkhidmatan Awam, Perbendaharaan Malaysia, Unit Perancang Ekonomi (Jabatan Perdana Menteri), Kementerian Sumber Manusia, wakil agensi yang hendak diswastakan dan wakil Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri (jika melibatkan agensi negeri). Jawatankuasa ini bertanggungjawab meneliti dan menimbang terma dan syarat perkhidmatan yang dicadangkan oleh syarikat.

#### Kelulusan Terma dan Syarat Perkhidmatan

- 5.2 Terma dan syarat perkhidmatan yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Kerja Terma dan Syarat Perkhidmatan dijadikan lampiran kepada perjanjian konsesi yang biasanya dirujuk kepada Jemaah Menteri oleh Unit Perancang Ekonomi.

#### Mengemaskini Rekod Perkhidmatan Pegawai

- 5.3 Agensi awam yang akan diswastakan hendaklah mengemaskini rekod perkhidmatan setiap pegawainya dan memastikan -
- (i) status pegawai<sup>10</sup>, sama ada tetap (termasuk dalam percubaan), sementara, kontrak, tukar sementara atau pinjaman, adalah teratur;

---

<sup>10</sup> Pekerja sambilan, sangkut dan sandaran tidak dimasukkan dalam Panduan ini kerana mereka tidak ditakrifkan sebagai pegawai awam oleh Perintah Am Bab A 1973. Walau bagaimanapun pihak syarikat boleh diminta menawarkan jawatan yang sesuai kepada mereka.

- (ii) tindakan pengesahan dalam perkhidmatan dan pemberian taraf pekerja berpencen kepada pegawai yang telah menjalani tempoh percubaan dengan jayanya hendaklah diambil; dan
  - (iii) urusan tata tertib ke atas pegawai yang sedang menghadapi tindakan tata tertib.
- 5.4 Tindakan di perenggan 5.3 di atas hendaklah diambil dengan segera, iaitu sebelum kertas opsiyen penswastaan dikeluarkan.

### **Menyediakan Kertas Opsyen**

- 5.5 Opsyen akan diberi kepada pegawai tetap dan pegawai sementara yang sedang berkhidmat dengan agensi awam yang akan diswastakan, sama ada untuk memasuki syarikat atau menolaknya. Bagi maksud Panduan ini, **pegawai tetap** termasuklah pegawai tetap yang sedang menjalani tempoh percubaan.
- 5.6 Tempoh opsiyen yang sesuai ialah 30 hari. Ini bertujuan untuk memudahkan urusan pentadbiran dan juga memberi peluang dan masa yang munasabah kepada pegawai membuat pilihan.
- 5.7 Contoh kertas opsiyen hendaklah disahkan terlebih dahulu oleh Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam sebelum diedarkan kepada pegawai. Ia perlu mengandungi antara lain tarikh kuatkuasa opsiyen, syarat opsiyen, jenis persaraan yang ditawarkan dan tarikh tutup opsiyen.

### **Maklumat Sebelum Penswastaan**

- 5.8 Dalam setiap perancangan dan pelaksanaan projek penswastaan, banyak perkara mengenai personel perlu diambilkira. Untuk tujuan memudahkan urusan berkenaan, agensi yang hendak diswastakan bertanggungjawab menyediakan maklumat penting mengenai pegawai masing-masing mengikut format seperti berikut:

- (i) senarai nama pegawai mengikut Gred Jawatan, Skim Perkhidmatan, Taraf Perkhidmatan, Tempoh Perkhidmatan, Umur, Gaji dan Imbuhan Tetap;
- (ii) bilangan pegawai mengikut Gred, Taraf Perkhidmatan, Jantina, Kumpulan Umur (lelaki berumur 50 tahun ke bawah/ke atas; perempuan berumur 45 tahun ke bawah/ke atas);
- (iii) bilangan pegawai mengikut gred yang akan mencapai umur 45, 50 atau 55 tahun dalam tempoh 5, 10 dan 15 tahun selepas tarikh penswastan;
- (iv) senarai pegawai yang sudah diluluskan pinjaman membeli rumah, kenderaan dan komputer serta bakinya;
- (v) senarai pegawai yang menduduki rumah Kerajaan; dan
- (vi) jumlah perbelanjaan tahunan bagi imbuhan.

5.9 Senarai maklumat di atas hendaklah dihantar ke Jabatan Perkhidmatan Awam (Bahagian Pencen dan Bahagian Perkhidmatan) sebelum kertas opsyen penswastan dikeluarkan kepada pegawai.

### **Maklumat Selepas Penswastan**

5.10 Setelah penswastan berkuatkuasa, maklumat berikut pula perlu dikemukakan segera kepada Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam:

- (i) jumlah sebenar pegawai yang telah ditawarkan kertas opsyen penswastan;
- (ii) salinan jawapan opsyen daripada setiap pegawai;
- (iii) senarai pegawai mengikut jenis opsyen yang dipilih, iaitu:

- (a) yang menolak tawaran memasuki syarikat serta cara penamatannya, iaitu sama ada dibersarakan di bawah subperenggan 10(5)(b) Akta 227 atau Akta 239, ditamatkan di bawah subseksyen 6A(6) dibaca bersama subperenggan 10(5)(b) Akta 227 atau Akta 239; atau menamatkan perkhidmatan; dan
- (b) yang memilih memasuki syarikat serta cara penamatannya sama ada bersara di bawah seksyen 12A Akta 227 atau seksyen 13 Akta 239 (Skim A atau Skim B), bersara di bawah seksyen 12 Akta 227 atau Akta 239 (Skim B) atau ditamatkan di bawah subseksyen 6A(6) dibaca bersama subperenggan 10(5)(b) Akta 227 atau Akta 239.

### **Taraf Perkhidmatan**

- 5.11 **Taraf perkhidmatan** yang dimaksudkan bagi seseorang pegawai ialah tetap dan berpencen, tetap tetapi tidak berpencen, tetap tetapi masih dalam percubaan, sementara, kontrak, tukar sementara, pinjaman dan pertukaran tetap.

### **Pegawai Yang Ada Ikatan Biasiswa**

- 5.12 Pastikan pegawai yang masih ada ikatan perjanjian biasiswa/HLP yang enggan menyertai syarikat kerana ingin dibersarakan di bawah subperenggan 10(5)(b) Akta 227 atau Akta 239 dikehendaki mematuhi syarat yang ditetapkan dalam perjanjian biasiswa/HLP mereka. Mereka hendaklah mendapatkan surat pelepasan ikatan kontrak biasiswa/HLP daripada pihak berkuasa yang mengeluarkan biasiswa/HLP tersebut, selaras dengan peraturan yang berkuatkuasa.

- 5.13 Setelah penswastaan berkuatkuasa, senarai pegawai yang masih ada ikatan perjanjian biasiswa/HLP yang memilih memasuki syarikat mengikut jenis skim yang dipilih, iaitu sama ada Skim A atau Skim B, dan senarai mereka yang menolak tawaran memasuki syarikat dikemukakan kepada pihak berkuasa yang meluluskan biasiswa/HLP. Ini bertujuan memudahkan urusan pemindahan kontrak atau tuntutan bayaran gantirugi.

## BAB 6

### OPSYEN

#### Dasar

- 6.1 Apabila sesebuah agensi awam diswastakan, semua jawatan agensi tersebut akan dimansuhkan tanpa mengira jenis opsyen yang dipilih oleh penyandanganya. Semua pegawai yang terlibat dikehendaki bersara atau dibersarakan, atau menamatkan perkhidmatan masing-masing. Pegawai yang memenuhi syarat yang ditetapkan berhak diberi opsyen. Tertakluk kepada pengecualian tertentu, Kerajaan tidak memberi sebarang pilihan kepada pegawai untuk kekal dalam Perkhidmatan Kerajaan.

#### Jenis Opsyen

- 6.2 Hanya dua opsyen utama akan ditawarkan, iaitu:

(i) **Memasuki Syarikat**

Pegawai yang memilih untuk memasuki syarikat ditawarkan dua skim perkhidmatan, iaitu Skim A atau Skim B. Bagi maksud ini pegawai tetap dan berpencen yang belum mencapai umur 45 atau 50 tahun, mana yang berkenaan, boleh menyatakan persetujuan mereka untuk disifatkan sebagai bersara daripada Perkhidmatan Kerajaan dan dibayar faedah persaraan sebaik sahaja berkelayakan, di bawah seksyen 12A Akta 227 atau seksyen 13 Akta 239. Pegawai yang telah berumur 40 tahun atau lebih pada tarikh kuatkuasa penswastan dan telah diberi taraf pekerja berpencen, boleh memohon persaraan di bawah subseksyen 12(1) Akta 227 atau Akta 239. Contoh kertas opsyen seperti di **Lampiran III** dan **Lampiran IV**.



**(ii) Tidak Memasuki Syarikat**

Pegawai tetap yang menolak tawaran memasuki syarikat boleh menyatakan persetujuan mereka untuk dibersarakan atas alasan penghapusan jawatan di bawah subperenggan 10(5)(b) Akta 227 atau Akta 239, atau menamatkan perkhidmatan mereka dengan memberi notis secara bertulis. Bayaran sebulan gaji bagi menggantikan tempoh notis yang tidak cukup adalah dikecualikan.

**(iii) Pilihan Skim A Atau Skim B**

Pegawai yang bersetuju memilih memasuki syarikat akan ditawarkan 2 skim perkhidmatan, iaitu Skim A atau Skim B. Hanya pegawai tetap yang telah diberi taraf pekerja berpencen yang belum mencapai umur 45 tahun (bagi wanita) atau 50 tahun (bagi lelaki) layak memilih Skim A, manakala Skim B pula terbuka kepada semua pegawai yang layak membuat opsyen.

**Pertukaran Skim**

6.3 Pegawai yang telah memilih Skim A boleh memohon bertukar kepada Skim B dalam tempoh dua tahun daripada tarikh penswastaan berkuatkuasa. Mereka tidak dibenarkan bertukar ke Skim B selepas tempoh tersebut, kecuali dilantik atau dinaikkan pangkat oleh syarikat ke jawatan yang lain. Tempoh perkhidmatan dengan syarikat sehari sebelum mereka bertukar ke Skim B akan diambilkira untuk tujuan faedah pencen. Sebaliknya, pegawai yang telah memilih Skim B tidak boleh bertukar ke Skim A.

**Pegawai Yang Layak Diberi Opsyen**

6.4 Pegawai yang layak diberi opsyen ialah:

**(i) Pegawai Asal Agensi/Fungsi Yang Diswastakan**

Semua pegawai tetap dan pegawai sementara yang telah dilantik oleh pihak berkuasa melantik agensi yang akan diswastakan<sup>11</sup> dan terlibat sepenuhnya dengan fungsi yang diswastakan layak diberi opsyen. Kementerian boleh menggunakan budibicara sama ada hendak menawarkan opsyen ataupun tidak kepada pegawai yang tidak terlibat sepenuhnya dengan fungsi yang diswastakan itu.

**(ii) Pegawai Yang Dipinjamkan Ke Agensi Lain**

Pegawai yang berkhidmat secara pinjaman dengan agensi lain layak diberi opsyen kerana mereka masih merupakan pegawai asal agensi yang akan diswastakan itu.

**(iii) Pegawai Yang Menghadapi Tindakan Tatatertib**

Pegawai yang sedang menghadapi tindakan tatatertib juga layak diberi opsyen. Sekiranya tindakan tersebut mengakibatkan mereka dibuang kerja sebelum tempoh opsyen berakhir, opsyen yang telah dibuat itu akan dengan sendirinya terbatal.

**(iv) Pegawai Tidak Bertugas Atau Bercuti Panjang**

Pegawai yang sedang bercuti panjang atau tidak hadir bertugas semasa kertas opsyen dikeluarkan hendaklah dihubungi berpandukan kepada alamat yang ada dalam rekod agensi dan diberi kertas opsyen seperti pegawai yang lain. Jika ketidakhadiran bertugas itu membolehkan tindakan tatatertib diambil mengikut peraturan 29 hingga 31, Peraturan-

Peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, maka tindakan itu hendaklah disegerakan.

**(v) Pegawai Dalam Perkhidmatan Kader Dan Gunasama**

Pegawai dalam perkhidmatan kader dan gunasama juga layak diberi opsyen dengan syarat Ketua Perkhidmatan mereka bersetuju memberikan pelepasan dengan izin. Untuk tujuan ini pihak kementerian/agensi atau syarikat perlu berunding dengan Ketua Perkhidmatan pegawai.

**(vi) Pegawai Yang Ada Ikatan Biasiswa**

Pegawai yang masih terikat dengan perjanjian biasiswa/HLP juga layak diberi opsyen. Jika mereka memilih memasuki syarikat, mereka dikehendaki menandatangani Perjanjian Pemindahan Kontrak bagi membolehkan baki kontrak mereka dipindahkan kepada syarikat. Bagi pegawai yang enggan menyertai syarikat, mereka hanya boleh dibersarakan mengikut peruntukan subperenggan 10(5)(b) Akta 227 atau Akta 239 atau menamatkan perkhidmatan masing-masing setelah menjelaskan segala gantirugi berbangkit daripada kemungkiran perjanjian biasiswa tersebut.

**(vii) Pegawai Pinjaman**

Pegawai agensi lain yang berkhidmat secara pinjaman dengan agensi yang akan diswastakan boleh diberikan opsyen sekiranya mereka mendapat pelepasan dari Ketua Perkhidmatan masing-masing.

## **Pegawai Yang Tidak Layak Diberi Opsyen**

6.5 Pegawai yang tidak layak diberi opsyen ialah:

---

<sup>11</sup> Pelan Induk Penswastaaan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri, Kuala Lumpur, 1991, perenggan 45.

**(i) Pegawai Kontrak**

Pegawai kontrak akan ditamatkan perkhidmatan mereka mengikut syarat lantikan masing-masing dan mereka kemudiannya boleh dilantik semula oleh syarikat berdasarkan syarat yang akan ditentukan oleh syarikat.

**(ii) Pegawai Badan Kawalselia**

Pegawai yang telah dipilih untuk berkhidmat dengan badan kawalselia (jika ada) tidak layak diberi opsyen. Mereka sebaliknya dikekalkan dalam Perkhidmatan Kerajaan.

**Gagal Membuat Opsyen**

6.6 Pegawai yang gagal memberi sebarang jawapan kepada tawaran opsyen tanpa sebab yang munasabah dalam tempoh yang ditetapkan, atau yang membuat opsyen dengan bersyarat, akan dianggap sebagai telah memilih tidak memasuki syarikat. Mereka akan dibersarakan atas penghapusan jawatan, atau ditamatkan perkhidmatan mereka, menurut mana yang berkenaan.

**Status Pegawai Selepas Opsyen**

6.7 Apa juga skim yang dipilih oleh seseorang pegawai yang memilih memasuki syarikat, mereka adalah pekerja syarikat dan dengan itu hubungan mereka dengan Perkhidmatan Kerajaan adalah terputus.

## **BAB 7**

### **SYARAT PENCEN**

#### **Syarat Pencen Di Bawah Skim A dan Skim B**

7.1 Syarat pencen yang ditawarkan di bawah Skim A dan Skim B adalah seperti berikut:

**(i) Faedah Pencen**

- (a) Bagi maksud penswastaan, pegawai tetap yang telah disahkan dalam perkhidmatan tetapi belum diberi taraf pekerja berpencen akan disifatkan sebagai seorang pekerja berpencen dan dianggap bersara daripada Perkhidmatan Kerajaan pada tarikh penswastaan. Mereka layak diberi faedah pencen<sup>12</sup>; dan
- (b) pegawai yang masih dalam tempoh percubaan pada tarikh kuatkuasa penswastaan tetapi telah pernah disahkan dalam perkhidmatan atau jawatan sebelumnya, layak dibayar faedah pencen yang dikira berdasarkan kepada gaji akhir bagi jawatan yang mereka telah disahkan<sup>13</sup> dengan syarat mereka telah diberi taraf pekerja berpencen.

**(ii) Jumlah Pencen**

- (a) Tempoh perkhidmatan pegawai dengan syarikat atau mana-mana subsidiarinya di bawah Skim A, iaitu sebelum mereka berpindah ke Skim B, boleh diambilkira bagi maksud bayaran pencen, ganjaran atau faedah yang lain<sup>14</sup>. Bagi pegawai yang

---

<sup>12</sup> Subseksyen 12A(1) Akta 227 atau subseksyen 13(1) Akta 239.

<sup>13</sup> Subseksyen 6(2) Akta 227 atau subseksyen 5(2) Akta 239.

<sup>14</sup> Subseksyen 12A(2) Akta 227 atau subseksyen 13(2) Akta 239.

memilih Skim B, hanya tempoh perkhidmatan dengan Kerajaan yang diambilkira; dan

- (b) Pencen bulanan akan dibayar berdasarkan kepada gaji pokok bulanan yang terakhir yang diterima semasa berkhidmat di bawah Skim A, atau gaji terakhir sebenar yang diterima semasa berkhidmat dengan Kerajaan (bagi pegawai yang memilih Skim B). Tertakluk kepada pindaan, jumlah pencen dan ganjaran yang layak diterima adalah dikira mengikut formula berikut:

$$\text{Pencen}^{15} = \frac{1}{600} \times \text{Tempoh Perkhidmatan} \times \text{Gaji Akhir}$$

(yang boleh dimasukira)                      (diterima)

$$\text{Ganjaran} = 7\frac{1}{2}\% \times \text{Tempoh Perkhidmatan} \times \text{Gaji Akhir}$$

(yang boleh dimasukira)                      (diterima)

- (c) Sebarang pelarasan gaji dalam Perkhidmatan Kerajaan boleh dipanjangkan kepada pegawai dan pencen mereka akan diselaraskan, dari semasa ke semasa, sekiranya mereka telah memenuhi syarat kelayakan yang ditetapkan dalam seksyen 12A Akta 227 atau seksyen 13 Akta 239 dan adalah dibuat di bawah Akta Penyelarasan Pencen 1980<sup>16</sup>.

### (iii) Penetapan Tarikh Pembayaran Pencen

Bagi pegawai yang dilantik ke Perkhidmatan Kerajaan sebelum 16.5.1986, mereka diberi peluang, melalui opsyen, untuk menetapkan tarikh pembayaran pencen, ganjaran atau faedah yang lain, yakni sama ada mereka bersetuju untuk menerima faedah pencen tersebut -

---

<sup>15</sup> Jumlah pencen maksimum ialah setengah daripada gaji terakhir diterima. Jumlah pencen minimum pula ialah 1/5 daripada gaji terakhir diterima tetapi tidak boleh kurang daripada RM180.00.

<sup>16</sup> Akta 238.

- (a) apabila mencapai umur 45 tahun (bagi perempuan) atau 50 tahun (bagi lelaki)<sup>17</sup>; atau
- (b) apabila mencapai umur 55 tahun<sup>18</sup>.

Bagi pegawai yang dilantik dalam Perkhidmatan Kerajaan pada atau selepas 16.5.1986<sup>19</sup> mereka hanya boleh dibayar pencen, ganjaran atau faedah yang lain apabila mencapai umur 55 tahun. Bagi pegawai Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan, faedah tersebut boleh dibayar pada umur 55 tahun tanpa mengira tarikh pelantikan mereka<sup>20</sup>.

Faedah pencen yang layak dibayar di bawah seksyen 12A Akta 227 atau seksyen 13 Akta 239 akan dibekukan sehingga pegawai mencapai umur pembayaran pencen, iaitu 45, 50 atau 55 tahun, yang mana berkenaan, berdasarkan kepada pilihan mereka.

#### **(iv) Syarat Tempoh Perkhidmatan**

Untuk layak mendapat faedah pencen, pegawai juga disyaratkan berkhidmat dengan syarikat atau subsidiarinya untuk suatu tempoh berterusan yang tidak kurang daripada 5 tahun<sup>21</sup>. Sebaik sahaja atau apabila pegawai berkenaan mencapai umur 45 tahun (bagi perempuan) atau 50 tahun (bagi lelaki), mereka boleh meninggalkan perkhidmatan syarikat atau terus berkhidmat dengan syarikat sehingga mencapai umur 55 tahun.

---

<sup>17</sup> Subseksyen 12A(2) Akta 227 sebagaimana dipinda oleh Akta A625 Tahun 1986.

<sup>18</sup> Seksyen 12A Akta 227 sebagaimana dipinda oleh Akta A625 Tahun 1986.

<sup>19</sup> *Ibid.*

<sup>20</sup> Subseksyen 13(2) Akta 239 seperti yang dipinda oleh Akta 645 Tahun 1986.

<sup>21</sup> Subseksyen 12A (3) Akta 227 atau subseksyen 13(1) Akta 239.

**(v) Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat**

Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat<sup>22</sup> akan dibayar tertakluk kepada had maksimum 90 hari mengikut formula berikut:

$$\text{Jumlah hari (cuti terkumpul)} \times \frac{(\text{Gaji akhir} + \text{Imbuhan Tetap})}{30}$$

**Pembayaran Ganjaran**

7.2 Pegawai yang bersara secara pilihan sendiri di bawah seksyen 12 Akta 227 atau Akta 239 bagi tujuan memasuki syarikat, pembayaran ganjaran akan dibuat mulai tarikh persaraan (yang bersamaan dengan tarikh penswastaan), manakala pencen pula hanya boleh dibayar apabila mereka mencapai umur 45, 50 atau 55 tahun, mengikut mana yang berkenaan, ditetapkan berdasarkan tarikh lantikannya ke Perkhidmatan Kerajaan. Penghitungan faedah pencen berasaskan:

- (i) tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukira; dan
- (ii) gaji yang akhir diterima dalam Perkhidmatan Kerajaan.

**Pencen Pegawai Yang Tidak Memasuki Syarikat**

7.3 Pencen pegawai yang menolak tawaran memasuki syarikat adalah seperti berikut:

**(i) Pegawai Yang Layak Menerima Pencen**

Pegawai yang telah diberi taraf pekerja berpencen akan dibayar pencen, ganjaran atau faedah yang lain mengikut kelayakan masing-masing mulai tarikh penswastaan, menurut subperenggan 10(5)(b) Akta 227 atau Akta 239.

---

<sup>22</sup> Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1993.



**(ii) Jumlah Pecen**

Pecen akan dibayar berdasarkan kepada formula berikut :

$$\frac{1}{500} \times \text{Tempoh Perkhidmatan} \times \text{Gaji Akhir}$$

(yang boleh dimasukira)                      (diterima)

**(iii) Jumlah Ganjaran**

Ganjaran akan dibayar berdasarkan kepada formula berikut:

$$7\frac{1}{2}\% \times \text{Tempoh Perkhidmatan} \times \text{Gaji Akhir}$$

(yang boleh dimasukira)                      (diterima)

**(iv) Pegawai Yang Tidak Layak Menerima Pecen**

Pegawai yang belum diberi taraf pekerja berpecen tidak layak menerima pecen, ganjaran atau faedah yang lain.

**Pecen Terbitan**

7.4 Syarat untuk mendapat pecen terbitan adalah seperti berikut:

**(i) Meninggal Dunia Sebelum Pembayaran Pecen**

Sekiranya pegawai meninggal dunia sebelum mencapai umur kelayakan yang ditetapkan, iaitu 45, 50 atau 55 tahun, yang mana berkenaan, mereka adalah disifatkan telah meninggal dunia dalam perkhidmatan:

(a) Pecen terbitan hanya layak dibayar kepada:

1. balu atau duda; dan
2. anak kepada pegawai yang meninggal dunia itu;

- (b) amaun Pencen Terbitan yang layak dibayar kepada penerimanya adalah jumlah penuh pencen yang sepatutnya diterima oleh pegawai sekiranya ia masih hidup, dibuat selama 12½ tahun, dikira sehari selepas tarikh kematian<sup>23</sup> pegawai berkenaan; dan
- (c) selepas tempoh 12½ tahun itu luput, penerima yang berkecualan akan hanya dibayar Pencen Terbitan atas kadar 70% daripada amaun asal.

**(ii) Meninggal Dunia Selepas Pembayaran Pencen**

Sekiranya pegawai telah dibayar pencen, ganjaran atau faedah yang lain menurut umur kelayakan yang ditetapkan dan kemudiannya dia meninggal dunia, maka kematian itu adalah disifatkan sebagai kematian dalam persaraan<sup>24</sup>. Pencen terbitan akan dibayar bagi baki tempoh 12½ tahun dikira dari tarikh penswastan yang juga merupakan tarikh persaraan pegawai. Selepas tempoh tersebut bayaran yang akan diterima ialah 70% daripada amaun pencen.

**(iii) Berkahwin Selepas Tarikh Penswastan**

Pegawai yang berkahwin selepas tarikh penswastan akan disifatkan telah berkahwin dalam masa persaraan dan sekiranya mereka meninggal dunia, tanggungan mereka layak menerima pencen terbitan bagi tempoh 12½ tahun<sup>25</sup> sahaja, dikira dari tarikh penswastan yang juga merupakan tarikh persaraan pegawai.

---

<sup>23</sup> Seksyen 12A dan 14 Akta 227 atau seksyen 13 dan 15 Akta 239.

<sup>24</sup> Seksyen 15 Akta 227 atau seksyen 16 Akta 239.

<sup>25</sup> Subperenggan 15(1)(b)(i) Akta 227 atau subperenggam 16(1)(b)(i) Akta 239.

**(iv) Syarat Pemastautinan Di Malaysia**

Pembayaran pencen terbitan pada kadar 70% tertakluk kepada syarat penerimanya bermastautin di Malaysia<sup>26</sup>. Syarat ini juga terpakai bagi melayakkan pegawai mendapat faedah pelarasan pencen.

---

<sup>26</sup> Subseksyen 15(1) dan seksyen 15A Akta 227 atau subseksyen 16(1) dan seksyen 16A Akta 237.

## **BAB 8**

### **PELBAGAI**

#### **Dokumen Pencen**

- 8.1 Bagi persaraan atas sebab penghapusan jawatan dan persaraan pilihan sendiri, dokumen seperti yang disenaraikan di **Lampiran V** hendaklah dihantar ke Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam melalui ibu pejabat agensi masing-masing secepat mungkin selepas tarikh penswastaan.
- 8.2 Bagi persaraan menurut seksyen 12A Akta 227 atau seksyen 13 Akta 239, dokumen persaraan yang berkaitan hendaklah dihantar setahun sebelum pegawai mencapai umur 45, 50 atau 55 tahun, yang mana berkenaan.

#### **Persaraan Pilihan Sendiri**

- 8.3 Bagi persaraan pilihan sendiri di bawah subseksyen 12 (1) Akta 227 atau Akta 239, kementerian hendaklah memberi persetujuannya secara keseluruhan (*en bloc*) dan memaklumkan hal ini kepada Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam. Bagi pegawai yang masih ada ikatan perjanjian biasiswa/HLP, pastikan surat pelepasan ikatan diperolehi daripada pihak berkuasa yang meluluskan biasiswa/HLP.

#### **Kemudahan Rumah Kerajaan**

- 8.4 Tertakluk kepada keputusan yang dibuat oleh Kerajaan dari semasa ke semasa, pegawai yang sedang mendiami rumah Kerajaan pada tarikh kuatkuasa penswastaan, boleh dibenarkan terus mendiaminya bagi tempoh tidak melebihi dua tahun dari tarikh tersebut. Perjanjian sewaan yang berasingan dengan syarat yang serupa perlu ditandatangani antara pegawai dengan syarikat.

## **Kemudahan Pinjaman**

- 8.5 Pegawai yang telah memperolehi pinjaman membeli rumah, kereta, komputer dan lain-lain dan memilih memasuki syarikat, layak meneruskan pinjaman tersebut<sup>27</sup>. Syarikat dikehendaki mengambilalih pinjaman mereka daripada Kerajaan dengan mengenakan syarat bayaran balik yang serupa. Bayaran balik pinjaman boleh dibuat melalui potongan gaji. Bagi mereka yang memilih tidak memasuki syarikat, jika telah mula menerima pencen bulanan, bayaran balik pinjaman perumahan boleh dibuat melalui potongan pencen bulanan<sup>28</sup>. Sebaliknya, baki pinjaman kereta dan komputer perlu dibayar balik sekaligus. Pegawai tidak berpencen atau yang belum menerima pencen dan memilih tidak memasuki syarikat, boleh membayar balik baki pinjaman perumahan secara bulanan terus kepada Seksyen Akaun, Bahagian Pinjaman Perumahan, Perbendaharaan Malaysia.
- 8.6 Pegawai yang belum mengambil kemudahan pinjaman seperti di perenggan 8.5 di atas tidak berhak menuntut kemudahan yang sama semasa berkhidmat dengan syarikat. Walau bagaimanapun syarikat digalakkan memberikan kemudahan tersebut sekiranya mereka mampu.

## **Rawatan Perubatan**

- 8.7 Di samping kemudahan yang ditawarkan oleh syarikat, sebagai pesara awam pegawai juga layak mendapat kemudahan perubatan Kerajaan dengan syarat mereka telah menerima kad pesara.

---

<sup>27</sup> Pekeliling Perbendaharaan Bil. 4 Tahun 1985 dan Bil. 15 Tahun 1990.

<sup>28</sup> Seksyen 19 Akta 227 atau Akta 239.

## CONTOH

### **TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN SKIM A**

#### **PENDAHULUAN**

1. Semua pegawai agensi awam yang diswastakan dan memilih untuk memasuki syarikat akan tertakluk kepada terma dan syarat perkhidmatan yang berkuatkuasa di syarikat. Walau bagaimanapun mereka yang memilih Skim A layak mengekalkan dan terus menikmati beberapa syarat dan terma Perkhidmatan Kerajaan seperti yang mereka terima sebelum penswastaan.

#### **SKOP DAN PEMAKAIANNYA**

2. Pegawai agensi awam yang telah disahkan dalam perkhidmatan dan belum mencapai umur 45 tahun (bagi perempuan) atau 50 tahun (bagi lelaki) pada tarikh kuatkuasa penswastaan yang membuat pilihan untuk berkhidmat dengan syarikat, layak memilih terma dan syarat perkhidmatan Skim A ini. Syaratnya mereka mestilah telah disahkan dalam perkhidmatan, mempunyai tempoh perkhidmatan minimum 3 tahun dan telah memilih skim pencen. Mereka akan dianggap sebagai pegawai berpencen walaupun belum diberi taraf pekerja berpencen.

#### **DEFINISI**

3. Definisi yang terdapat dalam Skim B terpakai kepada pegawai yang memilih Skim ini, kecuali dinyatakan sebaliknya. Oleh itu definisi berkenaan perlu dimasukkan dalam Skim ini.

#### **SYARAT DAN TERMA PERKHIDMATAN AGENSI AWAM**

4. Di bawah Skim ini pegawai layak untuk terus menikmati kemudahan berikut pada kadar atau jumlah yang sama seperti yang dinikmati oleh pegawai agensi awam yang lain yang setaraf dan yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa:

- (i) Gaji, skel gaji dan tarikh kenaikan gaji;
- (ii) Elaun dan imbuhan;
- (iii) Kemudahan cuti;
- (iv) Kemudahan rawatan perubatan (mengikut kadar pesara); dan
- (v) Kemudahan pinjaman perumahan, kereta dan komputer (kecuali mereka yang belum mengambil kemudahan ini sebelum penswastaan).

5. Sekiranya Kerajaan melulus dan melaksanakan sesuatu semakan gaji, pegawai yang telah memilih Skim A layak mendapat faedah semakan tersebut.

### **PERTUKARAN KEPADA SKIM B**

6. Pegawai yang memilih Skim A diberi peluang memohon bertukar kepada Skim B dalam tempoh 2 tahun dari tarikh kuatkuasa penswastaan. Pegawai juga boleh memasuki Skim B melalui proses pelantikan atau kenaikan pangkat ke jawatan lain dalam perkhidmatan syarikat selepas tempoh 2 tahun itu. Jika mereka tidak bertukar ke Skim B, mereka akan terus kekal di bawah Skim ini sehingga meninggalkan perkhidmatan syarikat atau mencapai umur persaraan wajib.

7. Jika pegawai memilih untuk bertukar ke Skim B dalam tempoh dua tahun dari tarikh kuatkuasa penswastaan, penetapan gaji permulaan mereka pada tarikh pertukaran skim itu bolehlah dibuat berdasarkan kepada formula pemindahan gaji seperti yang digunakan untuk mereka yang memilih Skim B pada tarikh penswastaan dikuatkuasakan.

### **FAEDAH PENCEN**

8. Untuk tujuan pengiraan faedah pencen, tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukira ialah tempoh perkhidmatan dengan agensi awam dicampur dengan tempoh perkhidmatan di bawah Skim A dalam syarikat.

9. Pencen dan ganjaran hanya boleh dibayar apabila pegawai mencapai umur 45, 50 atau 55 tahun, bergantung kepada tarikh pelantikan mereka ke dalam Perkhidmatan Kerajaan, iaitu sebelum atau selepas 16.5.1986, dengan syarat mereka

tidak meletakkan jawatan atau dibuang kerja atas kesalahan tata tertib dalam tempoh 5 tahun dari tarikh penswastaan dikuatkuasakan. Jika dalam tempoh 5 tahun itu perkhidmatan mereka ditamatkan atas dasar pengurangan pekerja (*retrenchment*) yang dipersetujui oleh Kerajaan, atau atas sebab kesihatan yang diperakukan oleh Lembaga Perubatan Kerajaan, mereka tetap layak dibayar faedah tersebut.

### **IMBUHAN TAHUNAN DAN SAHAM**

10. Sekiranya Kerajaan memberi imbuhan tahunan kepada pegawainya, maka pegawai yang memilih Skim A juga layak dibayar imbuhan tersebut dengan kadar yang sama oleh syarikat. Sebaliknya, mereka tidak layak menerima bonus dan saham yang ditawarkan oleh syarikat.

### **CARUMAN KEPADA KWAP**

11. Pegawai tidak perlu mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP). Sebaliknya, sebagai pekerja berpencen, syarikat akan mencarum kepada Kumpulan Wang Amanah Pencen (KWAP) pada kadar 17½%, atau kadar lain yang ditetapkan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa, dikira berdasarkan kepada gaji bulanan mereka.

### **KEMUDAHAN PINJAMAN**

12. Pegawai yang telah mengambil pinjaman perumahan, kereta dan komputer boleh meneruskan bayaran balik pinjaman tersebut seperti biasa. Pegawai yang belum menggunakan kemudahan ini boleh membuat permohonan kepada syarikat (jika ada) berdasarkan kepada syarat dan peraturan yang ditetapkan oleh syarikat.

### **RUMAH KERAJAAN**

13. Tertakluk kepada persetujuan Kerajaan, pegawai yang sedang mendiami rumah Kerajaan boleh dibenarkan terus mendiami rumah berkenaan dengan syarat dan kadar sewaan yang sama bagi tempoh tidak melebihi 2 tahun dari tarikh kuatkuasa penswastaan. Syarikat digalakkan meneruskan kemudahan ini dalam bentuk yang difikirkan sesuai selepas tempoh tersebut.



## **PEMEGANG BIASISWA**

14. Bagi pegawai yang masih terikat dengan perjanjian biasiswa/HLP, ikatan perjanjian mereka hendaklah dipindahkan kepada syarikat. Mereka dikehendaki menghabiskan baki ikatan seperti yang telah ditetapkan dalam perjanjian sebelum boleh meninggalkan syarikat, atau sehingga genap tempoh 5 tahun, mengikut mana yang lebih panjang. Dalam hal ini pegawai dan syarikat dikehendaki menandatangani surat persetujuan pemindahan kontrak mengikut format yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang meluluskan biasiswa/HLP.

## **PENUTUP**

15. Kecuali terma dan syarat perkhidmatan yang dinyatakan di atas, pegawai yang memilih Skim A akan tertakluk kepada terma dan syarat perkhidmatan yang ditetapkan oleh syarikat.

16. Walaupun pegawai memilih terma dan syarat perkhidmatan Skim A ini, mereka adalah merupakan pesara awam yang telah menjadi pekerja syarikat.

## CONTOH

### TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN SKIM B

#### PENDAHULUAN

1. Skim ini mengandungi terma dan syarat perkhidmatan yang berbentuk komersial. Ia digubal oleh syarikat yang akan mengambilalih agensi awam yang akan diswastakan berpandukan kepada peruntukan undang-undang yang berkaitan, khususnya Akta Pekerjaan 1955. Peruntukan lengkap Skim ini tidak semestinya sama antara satu syarikat dengan yang lain kerana ia bergantung kepada kemampuan syarikat berkenaan menawarkan syarat-syarat tersebut. Bagi syarikat yang telah sedia wujud, mereka juga perlu mengambilkira syarat dan terma perkhidmatan yang telah mereka tawarkan kepada pekerja yang dilantik secara langsung berkhidmat dengannya. Kerajaan hanya perlu menentukan bahawa secara pakej syarat dan terma perkhidmatan yang ditawarkan itu tidak kurang baik daripada apa yang telah diterima oleh pegawai semasa berkhidmat dengan Perkhidmatan Kerajaan.

#### DEFINISI

2. Bahagian ini biasanya mendefinisikan beberapa istilah seperti berikut:

BUKAN EKSEKUTIF; CUTI; DOKTOR PANEL; EKSEKUTIF; GAJI AKHIR; GAJI POKOK; HARI; KELUARGA; PEKERJA; SYARIKAT; TARIKH PENGAMBILALIHAN, dan lain-lain.

#### URUSAN PELANTIKAN

##### **Pelantikan**

3. Semua pegawai agensi awam yang bertaraf tetap dan sementara yang memilih Skim B akan dilantik secara tetap ke gred dan jawatan yang bersesuaian dalam perjawatan syarikat. Mereka perlu membuat pengesahan bertulis (opsyen) bersetuju menerima dan mematuhi terma dan syarat perkhidmatan yang terkandung dalam Skim

ini dengan menandatangani kertas opsi yang ditetapkan. Pengesahan bertulis itu hendaklah diserahkan kepada syarikat dalam tempoh tertentu. Mereka yang gagal menyerahkan pengesahan bertulis dalam tempoh tersebut, atau membuat opsi dengan bersyarat, akan dianggap telah menolak tawaran berkhidmat dengan syarikat dan mereka akan dibersarakan di bawah subperenggan 10(5)(b) Akta 227 atau Akta 239, atau mereka akan diminta supaya menamatkan perkhidmatan masing-masing.

### **Tarikh Lantikan**

4. Tarikh lantikan ke dalam perkhidmatan syarikat bagi semua pegawai yang memilih memasuki syarikat ialah pada tarikh berkuatkuasanya pengambilalihan atau penswastaan.

### **Status Perkhidmatan**

5. Perkhidmatan dengan syarikat adalah merupakan satu perkhidmatan baru, dan BUKAN sambungan dari Perkhidmatan Kerajaan.

### **Tempoh Percubaan**

6. Pegawai yang telah disahkan dalam perkhidmatan sebelum tarikh penswastaan adalah dikecualikan daripada menjalani tempoh percubaan dengan syarikat. Pegawai yang masih dalam tempoh percubaan atau dalam jawatan sementara sebelum tarikh kuatkuasa penswastaan, boleh disahkan dalam jawatan setelah menjalani tempoh percubaan sepertimana yang ditetapkan oleh syarikat. Jika tempoh percubaan yang ditetapkan oleh syarikat lebih panjang daripada tempoh percubaan yang telah disempurnakan oleh pegawai semasa berkhidmat dengan agensi awam, mereka hanya dikehendaki menghabiskan baki tempoh percubaan tersebut.

### **Larangan Menukar Pilihan**

7. Pegawai yang telah memilih Skim B tidak dibenarkan bertukar kepada Skim A.

### **WAKTU BEKERJA**

#### **Waktu Kerja Pejabat**

8. [Mengikut waktu bekerja yang ditetapkan oleh syarikat].

### **Waktu Bekerja Lebih Masa**

9. [Tertakluk kepada peraturan dan prosedur yang ditetapkan oleh syarikat].

### **Pemindahan Gaji**

10. Ditetapkan mengikut formula berikut:

(Gaji Pokok + Imbuhan Tetap) X 1.175 + satu (1) pergerakan gaji secara mendatar mengikut jadual gaji SSB dan kemudiannya diselaraskan kepada matagaji yang sama atau lebih tinggi berhampiran di atas tanggagaji syarikat, tertakluk kepada pengurangan 3 hari cuti rehat tahunan.

[Imbuhan Tetap bermaksud Imbuhan Tetap Perumahan, Imbuhan Tetap Keraian, Imbuhan Tetap Khidmat Awam dan/atau Imbuhan Tetap JUSA].

### **Kenaikan Gaji Tahunan**

11. [Ditentukan mengikut peraturan dan prosedur yang terpakai di syarikat].

### **CUTI**

#### **Cuti Rehat Tahunan**

12. Jumlah cuti rehat tahunan ialah mengikut kelayakan pegawai semasa berkhidmat dengan agensi awam (sebelum diswastakan), iaitu setelah dikurangkan sebanyak 3 hari.

#### **Cuti Haji**

13. Syarikat boleh meluluskan Cuti Haji bergaji penuh tidak melebihi 40 hari berturut-turut kepada pegawai beragama Islam untuk menunaikan fardhu haji di Mekah. Kelayakan ini diberikan sekali sahaja sepanjang tempoh perkhidmatan mereka dengan syarikat.

## **Kemudahan Cuti Yang Lain**

14. Cuti bersalin untuk pegawai wanita, cuti tanpa gaji, cuti kursus dan cuti ihsan ditetapkan mengikut dasar dan peraturan yang terpakai di syarikat.

15. Syarikat boleh, atas budibicaranya, meluluskan cuti selain daripada yang dinyatakan di atas, seperti:

- (i) cuti menghadiri peperiksaan;
- (ii) cuti menghadiri perbicaraan di mahkamah ;
- (iii) cuti kuarantin;
- (iv) cuti menjalani latihan pasukan sukarela;
- (v) cuti tanpa rekod; dan
- (vi) cuti lain yang difikirkan sesuai dan munasabah.

## **TATATERTIB**

16. Semua pegawai syarikat tertakluk kepada peraturan tatatertib yang ditetapkan oleh syarikat selagi ianya tidak bercanggah dengan peraturan yang terkandung dalam Akta Pekerjaan 1955 atau undang-undang lain yang berkaitan dan berkuatkuasa.

## **NOTIS PENAMATAN PERKHIDMATAN**

17. [Seperti yang ditetapkan oleh syarikat mengikut peraturan dan undang-undang yang berkaitan].

## **UMUR PERSARAAN**

18. [Seperti yang ditetapkan oleh syarikat mengikut peraturan dan undang-undang yang berkaitan].

## **FAEDAH PERUBATAN**

19. Syarikat perlu menyediakan kemudahan perubatan kepada semua pegawai dan ahli keluarga mereka mengikut peraturan dan undang-undang yang berkaitan dan berkuatkuasa. Faedah tersebut hendaklah sekurang-kurangnya meliputi kemudahan yang berikut:

- (i) Rawatan perubatan atau ubat;
- (ii) bayaran balik rawatan perubatan;
- (iii) bayaran rawatan di hospital Kerajaan; dan
- (iv) rawatan pergigian.

20. Semua jenis rawatan yang tidak dibayar dan tidak dibenarkan oleh syarikat hendaklah disenaraikan dengan jelas, termasuk had maksimum kos perubatan.

### **RAWATAN PEMULIHAN UNTUK PENAGIH DADAH**

21. Syarikat digalakkan menyokong dasar Kerajaan untuk membasmi masalah penagihan dadah. Untuk mencapai matlamat ini syarikat hendaklah:

- (i) Menggalakkan pegawai yang terlibat dengan penagihan dadah supaya tampil ke hadapan untuk mendapatkan rawatan di Pusat Pemulihan. Kemudahan yang sama perlu diberikan kepada mereka yang dikehendaki menjalani rawatan atas perintah mahkamah;
- (ii) Menyediakan kemudahan cuti separuh gaji bagi tempoh tertentu semasa mereka menjalani rawatan di pusat pemulihan;
- (iii) Diberi kemudahan cuti tanpa gaji selepas tempoh cuti separuh gaji berakhir; dan
- (iv) Menerima bekerja semula mereka yang telah dipulihkan.

### **ELAUN**

22. Elaun seperti berikut boleh dipertimbangkan oleh syarikat:

- |                                |                          |
|--------------------------------|--------------------------|
| (i) Elaun Makan;               | (vii) Elaun Kritikal;    |
| (ii) Elaun Hitungan Kilometer; | (viii) Elaun Lebih Masa; |
| (iii) Bayaran Sewa Hotel;      | (ix) Elaun Dobi;         |
| (iv) Elaun Perpindahan;        | (x) Elaun Syif; dan      |

- (v) Bayaran Belanja Pelbagai;
- (vi) Elaun Wilayah;

- (xi) elaun lain yang biasa disediakan oleh syarikat.

## **CARUMAN KEPADA KWSP DAN PERKESO**

23. Syarikat akan mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk semua pegawai yang layak pada kadar yang tidak rendah daripada kadar minimum yang ditetapkan oleh undang-undang yang berkaitan.

## **KEMUDAHAN PINJAMAN**

24. Pegawai yang telah mendapat kemudahan pinjaman daripada Kerajaan akan terus menikmati kemudahan serta syarat yang serupa seperti yang telah diterima semasa berada dalam Perkhidmatan Kerajaan. Walau bagaimanapun apa-apa pinjaman yang dibuat selepas tarikh penswastaan adalah tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh syarikat.

## **FAEDAH LAIN**

25. Syarikat digalakkan supaya memasukkan semua jenis faedah yang sepatutnya layak dinikmati oleh pegawai ke dalam Terma dan Syarat Perkhidmatan ini, antaranya ialah:

- (i) Peluang kenaikan pangkat;
- (ii) pemberian bonus;
- (iii) Polisi Insuran Kemalangan Berkelompok;
- (iv) subsidi faedah untuk pinjaman kereta/motosikal;
- (v) pinjaman komputer;
- (vi) subsidi faedah untuk pinjaman perumahan;
- (vii) pemilikan saham syarikat;
- (viii) Skim Pinjaman Pelajaran untuk pegawai/keluarga;
- (ix) pakaian seragam; dan
- (x) pampasan/faedah penamatan perkhidmatan.

## **PERUNTUKAN AM**

### **Rumah Kerajaan**

26. Pegawai yang sedang mendiami rumah Kerajaan dibenarkan terus mendiami rumah berkenaan dengan syarat dan kadar sewaan yang sama bagi tempoh tidak melebihi 2 tahun dari tarikh kuatkuasa penswastaan. Syarikat boleh meneruskan kemudahan ini dalam bentuk yang difikirkan sesuai selepas tempoh tersebut.

### **Pemegang Biasiswa Kerajaan**

27. Bagi pegawai yang masih terikat dengan perjanjian biasiswa/HLP, ikatan perjanjian mereka dengan Kerajaan hendaklah dipindahkan kepada syarikat. Mereka dikehendaki menghabiskan baki ikatan dan/atau penalti seperti yang telah ditetapkan dalam perjanjian sebelum boleh meninggalkan syarikat, atau berkhidmat tidak kurang daripada 5 tahun dengan syarikat, mengikut mana yang lebih panjang. Dalam hal ini pegawai dan syarikat dikehendaki menandatangani surat persetujuan pemindahan kontrak dengan menggunakan format yang ditetapkan oleh pihak berkuasa yang mengeluarkan biasiswa/HLP.

### **Faedah Tamat Perkhidmatan**

28. [Seperti yang ditetapkan oleh syarikat].

### **Skel Gaji**

29. [Seperti yang ditetapkan oleh syarikat].

## **PENUTUP**

29. Terma dan syarat perkhidmatan yang terkandung dalam Skim B ini boleh dipinda dan diubahsuai dari semasa ke semasa selaras dengan perubahan yang berlaku di dalam dan di luar syarikat. Pindaan dan pengubahsuaian untuk tujuan penambahbaikan adalah digalakkan demi kepentingan dan kebajikan pekerja terbabit.



**CONTOH**

**KERTAS OPSYEN  
UNTUK PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM**

Rujukan :

Tarikh :

.....  
.....  
.....  
.....

Tuan/Puan:

**PEMBERITAHUAN MENGENAI PENSWASTAAN/PENKORPORATAN**

.....  
-----

Adalah dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan untuk menswastakan/mengkorporatkan ..... berkuatkuasa pada ..... Sehubungan dengan itu, tuan/puan adalah ditawarkan untuk berkhidmat dengan ..... mulai daripada tarikh yang sama.

2. Perkhidmatan tuan/puan dengan ..... akan ditamatkan mulai daripada tarikh ..... diswastakan/dikorporatkan. Untuk tujuan tersebut, tindakan sedang diambil bagi memastikan urusan berkaitan dengan perkara ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan sempurna, mengikut peraturan yang sedia ada.

3. Tindakan yang perlu diambil adalah berbeza, bergantung kepada taraf serta gred jawatan tuan/puan di dalam perkhidmatan sekarang. Tuan/Puan hendaklah memastikan bahawa tindakan tersebut, khususnya dalam pengisian borang yang dilampirkan, adalah yang berkaitan dengan tuan/puan sahaja.

4. Tuan/Puan hendaklah meneliti dan mengambil tindakan ke atas dokumen bertajuk "TAWARAN BERKHIDMAT DENGAN ..... DI BAWAH RANCANGAN PENSWASTAAN/PENKORPORATAN .....".

5. Jika tuan/puan mempunyai masalah atau kemusykilan berhubung dengan perkara di atas, sila hubungi Bahagian ....., di Kementerian ini di alamat seperti di atas untuk penjelasan lanjut.

6. Taklimat mengenai perkara ini akan diadakan di tempat, tarikh dan waktu yang akan ditetapkan kelak.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

( )  
Ketua Setiausaha,  
Kementerian .....Malaysia.

**FORMAT KERTAS OPSYEN UNTUK  
PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM  
(Akta 227)**

**(Kepala Surat)**

---

Rujukan:

Tarikh:

-----  
-----  
-----

Tuan/Puan:

**TAWARAN BERKHIDMAT DENGAN ..... DI  
BAWAH RANCANGAN PENSWASTAAN/PENKORPORATAN .....**  
.....

---

Adalah dimaklumkan bahawa berikutan dengan keputusan Kerajaan untuk menswastakan/mengkorporatkan -----, tuan/puan dengan sukacitanya ditawarkan untuk berkhidmat dengan ----- berkuatkuasa pada tarikh penswastaan/pengkorporatan tersebut iaitu pada ----- . Tawaran tersebut diedarkan bersama-sama ini untuk rujukan dan tindakan tuan/puan.

2. ----- menawarkan 2 jenis Terma dan Syarat Perkhidmatan (Skim). Tuan/Puan dikehendaki memilih salah satu daripada dua skim itu sekiranya bersetuju menerima tawaran untuk berkhidmat dengan syarikat berkenaan. Skim tersebut adalah seperti berikut:

**2.1 Skim A**

Skim A, iaitu Terma dan Syarat Perkhidmatan berdasarkan Skim Perkhidmatan Kerajaan yang menawarkan gaji, elaun, imbuhan, kemudahan cuti dan

kemudahan rawatan perubatan yang serupa seperti yang diterimapakai oleh ----- sekarang, termasuk apa-apa pindaan dan semakan syarat perkhidmatan dan gaji yang diluluskan oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Skim ini tidak merangkumi faedah imbuhan tahunan (bonus) atau hak pemilikan saham yang dikeluarkan oleh -----.

Ringkasan Terma dan Syarat Perkhidmatan Skim A dilampirkan bersama dengan surat tawaran dari ----- untuk rujukan dan penelitian tuan/puan.

## **2.2 Skim B**

Skim B ialah Terma dan Syarat Perkhidmatan -----.

Skim ini meliputi hak untuk menikmati bayaran imbuhan tahunan (bonus) dan hak memiliki saham yang ditawarkan oleh syarikat, jika ada, yang ditawarkan oleh ----- kepada pegawainya. Terma dan Syarat Perkhidmatan Skim B dilampirkan bersama dengan surat tawaran dari -----.

## **3. PEGAWAI TETAP YANG MEMILIH UNTUK BERKHIDMAT DENGAN -----**

### **3.1 Pegawai Tetap Yang Belum Mencapai Umur 45 Tahun (Bagi Perempuan) Atau 50 Tahun (Bagi Lelaki) Yang Dilantik Ke Dalam Perkhidmatan Kerajaan Sebelum 16 Mei 1986**

Sekiranya tuan/puan seorang pegawai tetap yang dilantik ke Perkhidmatan Kerajaan sebelum 16.5.1986, telah disahkan dalam jawatan yang tuan/puan sandang semasa berkhidmat dengan Perkhidmatan Kerajaan, belum mencapai umur 45 tahun (bagi perempuan) atau 50 tahun (bagi lelaki) dan telah menerima tawaran untuk berkhidmat sebagai pegawai -----, maka Kerajaan akan menganggap tuan/puan sebagai telah dilantik untuk berkhidmat dengan ----- dengan kelulusan Kerajaan di bawah subseksyen 12A(1) Akta Pencen 1980. Dalam hal sedemikian tuan/puan akan ditawarkan dua skim, iaitu:

**(a) Skim A**

- (i) Sekiranya tuan/puan memilih untuk berkhidmat dengan -----  
----- di bawah Terma dan Syarat Perkhidmatan Skim A, maka tuan/puan boleh memilih supaya subseksyen 12A(2) Akta Pencen 1980, sebagaimana diperuntukkan oleh Akta A625 yang berkuatkuasa mulai 13.9.1985, terpakai kepada tuan/puan, dan pencen, ganjaran atau faedah yang lain boleh dibayar apabila tuan/puan mencapai umur 45 tahun (bagi perempuan) atau 50 tahun (bagi lelaki);
- (ii) seksyen 12A, Akta Pencen 1980 ini telahpun dipinda oleh Akta A644 berkuatkuasa mulai 16.5.1986. Jika tuan/puan ingin memilih supaya subseksyen 12A(2) Akta Pencen 1980, sebagaimana dipinda oleh Akta A644 terpakai kepada tuan/puan, maka pencen, ganjaran atau faedah yang lain boleh dibayar kepada tuan/puan sebaik sahaja tuan/puan mencapai umur 55 tahun;
- (iii) bagi maksud perenggan kecil (i) atau (ii) di atas, tuan/puan hendaklah mengisi **Lampiran IIIA** bersama-sama **Lampiran IIIB**;
- (iv) pencen, ganjaran atau faedah yang lain boleh diberi kepada tuan/puan dengan syarat tuan/puan telah sama ada berkhidmat dengan ----- atau mana-mana subsidiarinya tidak kurang daripada 5 tahun secara berterusan daripada tarikh tuan/puan meninggalkan Perkhidmatan Kerajaan, atau sekiranya tuan/puan masih dalam perkhidmatan ----- atau mana-mana subsidiarinya apabila tuan/puan mencapai umur sedemikian;
- (v) jika perkhidmatan tuan/puan telah ditamatkan oleh ----- atau oleh mana-mana subsidiarinya atas sebab pengurangan pekerja atau sakit, syarat 5 tahun itu tidak terpakai

bagi tuan/puan dan tuan/puan layak menikmati pencen, ganjaran atau faedah yang lain; dan

- (vi) apa-apa tempoh perkhidmatan tuan/puan dengan -----  
----- atau mana-mana subsidiarinya mengikut Terma dan Syarat Perkhidmatan Skim A boleh dimasukira bagi maksud pengiraan pencen, ganjaran atau faedah yang lain.

**(b) Skim B**

- (i) Sekiranya tuan/puan memilih untuk berkhidmat dengan -----  
----- atas Terma dan Syarat Perkhidmatan Skim B, maka tuan/puan boleh diberi pencen, ganjaran atau faedah yang lain di bawah subseksyen 12A(3) Akta Pencen 1980 sebagaimana dipinda oleh Akta A644 dan berkuatkuasa mulai 16.5.1986 apabila tuan/puan mencapai umur 45 tahun (bagi perempuan) atau 50 tahun (bagi lelaki). Bagi maksud ini, tuan/puan hendaklah mengisi **Lampiran IIIA** bersama-sama **Lampiran IIIB**;
- (ii) pencen, ganjaran atau faedah yang lain boleh diberi kepada tuan/puan dengan syarat tuan/puan telah sama ada berkhidmat dengan ----- atau mana-mana subsidiarinya selama suatu tempoh tidak kurang daripada 5 tahun secara berterusan dari tarikh tuan/puan meninggalkan Perkhidmatan Kerajaan atau sekiranya tuan/puan masih dalam perkhidmatan ----- atau mana-mana subsidiarinya apabila tuan/puan mencapai umur sedemikian;
- (iii) jika perkhidmatan tuan/puan telah ditamatkan oleh -----  
----- atau mana-mana subsidiarinya atas sebab pengurangan pekerja atau sakit, syarat 5 tahun itu tidak terpakai bagi tuan/puan dan tuan/puan layak menikmati pencen, ganjaran atau faedah yang lain; dan

- (iv) tempoh perkhidmatan tuan/puan dengan Perkhidmatan Kerajaan sehingga sehari sebelum tarikh penswastan/peng korporatan boleh dimasukirakan bagi maksud perkiraan pencen, ganjaran atau faedah yang lain.

### **3.2 Pegawai Tetap Yang Belum Mencapai Umur 45 Tahun (Bagi Perempuan) Atau 50 Tahun (Bagi Lelaki) Yang Dilantik Ke Dalam Perkhidmatan Kerajaan Pada Atau Selepas 16 Mei 1986**

Sekiranya tuan/puan seorang pegawai tetap yang telah dilantik ke dalam Perkhidmatan Kerajaan pada atau selepas 16.5.1986 dan telah disahkan di dalam jawatan yang tuan/puan sandang pada masa itu di dalam Perkhidmatan Kerajaan, dan tuan/puan belum mencapai umur 45 tahun (bagi perempuan) atau 50 tahun (bagi lelaki) dan tuan/puan telah menerima tawaran untuk berkhidmat sebagai pegawai -----, maka Kerajaan akan menganggap tuan/puan sebagai telah dilantik untuk berkhidmat dengan ----- dengan kelulusan Kerajaan di bawah subseksyen 12A(1) Akta Pencen 1980. Dalam hal sedemikian:

#### **(a) Skim A**

- (i) Sekiranya tuan/puan memilih untuk berkhidmat dengan ----- di bawah Terma dan Syarat Perkhidmatan Skim A, maka pencen, ganjaran atau faedah yang lain akan dibayar apabila tuan/puan mencapai umur 55 tahun dibuat di bawah subseksyen 12A(2) Akta Pencen 1980, sebagaimana dipinda oleh Akta A644 dan berkuatkuasa mulai 16.5.1986, yang terpakai ke atas tuan/puan. Bagi maksud ini, tuan/puan hendaklah mengisi **Lampiran IIIA dan Lampiran IIIB;**
- (ii) pencen, ganjaran atau faedah yang lain boleh diberi kepada tuan/puan dengan syarat tuan/puan telah sama ada berkhidmat

dengan ----- atau mana-mana subsidiarinya selama tidak kurang daripada 5 tahun secara berterusan daripada tarikh tuan/puan meninggalkan Perkhidmatan Kerajaan atau sekiranya tuan/puan masih dalam perkhidmatan ----- atau mana-mana subsidiarinya apabila tuan/puan mencapai umur sedemikian;

- (iii) jika perkhidmatan tuan/puan telah ditamatkan oleh ----- atau mana-mana subsidiarinya atas sebab pengurangan pekerja atau sakit, syarat 5 tahun itu tidak terpakai bagi tuan/puan dan tuan/puan layak untuk menikmati pencen, ganjaran atau faedah yang lain; dan
- (iv) tempoh perkhidmatan tuan/puan dengan ----- atau mana-mana subsidiarinya mengikut Terma dan Syarat Perkhidmatan Skim A boleh dimasukkan bagi maksud perkiraan pencen, ganjaran atau faedah yang lain.

**(b) Skim B**

- (i) Sekiranya tuan/puan memilih untuk berkhidmat dengan ----- di bawah Terma dan Syarat Perkhidmatan Skim B, maka pencen, ganjaran atau faedah yang lain akan dibayar apabila tuan/puan mencapai umur 45 tahun (bagi perempuan) atau 50 tahun (bagi lelaki) dibuat di bawah subseksyen 12A(3) Akta Pencen 1980, sebagaimana dipinda oleh Akta A644 dan berkuatkuasa mulai 16.5.1986, yang terpakai ke atas tuan/puan. Bagi maksud ini, tuan/puan hendaklah mengisi **Lampiran IIIA dan IIIB**;
- (ii) pencen, ganjaran atau faedah yang lain boleh diberi kepada tuan/puan dengan syarat tuan/puan telah sama ada berkhidmat dengan ----- atau mana-mana subsidiarinya selama tidak kurang daripada 5 tahun secara berterusan daripada tarikh tuan/puan meninggalkan Perkhidmatan Kerajaan atau sekiranya



- tuan/puan masih dalam perkhidmatan -----  
atau mana-mana subsidiarinya apabila tuan/puan mencapai  
umur sedemikian;
- (iii) jika perkhidmatan tuan/puan telah ditamatkan oleh -----  
----- atau mana-mana subsidiarinya atas sebab  
pengurangan pekerja atau sakit, syarat 5 tahun itu tidak terpakai  
bagi tuan/puan dan tuan/puan layak menikmati pencen, ganjaran  
atau faedah yang lain; dan
- (iv) tempoh perkhidmatan tuan/puan dengan Kerajaan sehingga  
sehari sebelum tarikh penswastaan/peng korporatan boleh  
dimasukira bagi maksud perkiraan pencen, ganjaran atau faedah  
yang lain.

### **3.3 Pegawai Tetap Yang Telah Mencapai Umur Persaraan Pilihan**

- (i) Sekiranya tuan/puan telah mencapai umur 40 tahun atau lebih  
dan menerima tawaran untuk berkhidmat dengan -----  
-----, tuan/puan bolehlah memohon untuk bersara secara  
pilihan sendiri di bawah subseksyen 12(1) Akta Pencen 1980  
dengan mengisi **Lampiran IIIA** bersama-sama **Lampiran IIIC**,  
dan tuan/puan akan dibersarakan mulai ----- . Dalam  
hal ini, tuan/puan akan diberi pencen, ganjaran atau faedah yang  
lain atas persaraan sedemikian dengan syarat pada tarikh  
persaraan, tuan/puan:
- (a) adalah seorang pegawai tetap;
- (b) telah disahkan dalam perkhidmatan atau jawatan yang  
terakhir disandang oleh tuan/puan semasa di dalam  
Perkhidmatan Kerajaan, atau, sekiranya masih berada  
dalam tempoh percubaan dalam jawatan terakhir tersebut,

telah disahkan dalam jawatan sebelumnya di dalam Perkhidmatan Kerajaan;

- (c) telah diberi taraf pekerja berpencen; dan
- (d) telah genap tempoh perkhidmatan tidak kurang daripada 10 tahun yang boleh dimasukira.

Bagi maksud ini, tuan/puan hanya dibenarkan memasuki perkhidmatan ----- di bawah Terma dan Syarat Perkhidmatan Skim B;

- (ii) bagi tuan/puan yang dilantik ke dalam Perkhidmatan Kerajaan sebelum 12.4.1991 dan memilih untuk bersara di bawah subseksyen 12(1) Akta Pencen 1980, tuan/puan layak dibayar pencen sebaik sahaja mencapai umur 45 tahun atau 50 tahun, menurut mana yang berkenaan;
- (iii) bagi tuan/puan yang dilantik ke dalam Perkhidmatan Kerajaan pada atau selepas 12.4.1991 dan memilih untuk bersara di bawah subseksyen 12(1) Akta Pencen 1980, tuan/puan layak dibayar pencen sebaik sahaja tuan/puan mencapai umur 55 tahun; dan
- (iv) bagi tuan/puan yang dilantik ke dalam Perkhidmatan Kerajaan, sama ada sebelum, pada atau selepas 12.4.1991, dan memilih untuk bersara di bawah subseksyen 12(1) Akta Pencen 1980, tuan/puan layak dibayar pencen, ganjaran atau faedah yang lain sebaik sahaja tuan/puan bersara daripada Perkhidmatan Kerajaan.

### **3.4 Pegawai Tetap Yang Mencarum Dalam KWSP**

Sekiranya tuan/puan merupakan pegawai tetap yang dilantik kali

pertama ke Perkhidmatan Kerajaan pada atau selepas 12.4.1991 dan telah memilih untuk terus mencarum dalam KWSP sebaik sahaja tuan/puan disahkan dalam perkhidmatan, tuan/puan boleh dibersarakan di atas alasan penghapusan jawatan di bawah subperenggan 10(5)(b) dibaca bersama-sama subseksyen 6A(6) Akta Pencen 1980 bagi membolehkan tuan/puan berkhidmat dengan ----- mulai ----- . Tuan/Puan tidak layak dibayar apa-apa pencen, ganjaran atau faedah yang lain di bawah Akta Pencen 1980. Bagi maksud ini tuan/puan hendaklah mengisi **Lampiran IIIA** bersama-sama **Lampiran IIID**.

### **3.5 Pegawai Tetap Yang Dilantik Kali Pertama Ke Dalam Perkhidmatan Kerajaan Yang Masih Berada Dalam Tempoh Percubaan Dan Pegawai Sementara**

Sekiranya tuan/puan merupakan pegawai sementara atau pegawai tetap yang dilantik kali pertama ke dalam Perkhidmatan Kerajaan dan masih dalam tempoh percubaan, tuan/puan hendaklah menamatkan perkhidmatan tuan/puan dengan Kerajaan terlebih dahulu sebelum tuan/puan boleh berkhidmat dengan ----- . Notis Penamatan Perkhidmatan tuan/puan hendaklah dibuat secara bertulis dengan menggunakan **Lampiran IIIA** bersama-sama **Lampiran IIIE**, dan ia hendaklah berkuatkuasa mulai ----- . Sebaik sahaja tuan/puan menerima tawaran untuk berkhidmat dengan ----- , tuan/puan adalah disifatkan sebagai telah menamatkan perkhidmatan dengan Kerajaan. Tuan/Puan tidak dikehendaki membayar sebulan gaji bagi menggantikan notis yang tidak cukup.

### **3.6 Pegawai Tetap Yang Telah Disahkan Dalam Jawatan Terdahulu Tetapi Belum Disahkan Dalam Jawatan Terakhir Semasa Di Dalam Perkhidmatan Kerajaan**

Sekiranya tuan/puan telah disahkan dalam jawatan tuan/puan yang terdahulu tetapi masih lagi berada di dalam tempoh percubaan dalam jawatan terakhir yang tuan/puan sandang di dalam Perkhidmatan Kerajaan sehari sebelum tarikh penswastaaan/peng korporatan -----

-----, maka gaji yang akhir diterima bagi jawatan yang tuan/puan telah disahkan itu adalah terpakai bagi maksud perkiraan pencen, ganjaran atau faedah yang lain sebagaimana diperuntukkan di bawah subseksyen 6(2), Akta Pencen 1980.

#### 4. PEGAWAI YANG MENOLAK TAWARAN UNTUK BERKHIDMAT DENGAN -----

4.1 Tuan/Puan yang menolak tawaran untuk berkhidmat dengan ----- akan dibersarakan dari Perkhidmatan Kerajaan di bawah subperenggan 10(5)(b) Akta Pencen 1980 mulai ----- memandangkan jawatan terakhir yang tuan/puan sandang di dalam Perkhidmatan Kerajaan akan dimansuhkan mulai daripada tarikh tersebut. Bagi maksud ini, tuan/puan hendaklah mengisi **Lampiran IIIA** bersama-sama **Lampiran IIID**. Tuan/Puan boleh diberi pencen, ganjaran atau faedah yang lain hanya sekiranya tuan/puan:

- (i) seorang pegawai tetap; dan
- (iii) telah disahkan dalam jawatan terakhir yang disandang semasa di dalam Perkhidmatan Kerajaan atau sekiranya masih belum disahkan dalam jawatan terakhir tersebut, telah disahkan dalam jawatan sebelumnya di dalam Perkhidmatan Kerajaan;
- (iv) telah mempunyai tempoh perkhidmatan tidak kurang daripada 3 tahun yang boleh dimasukira; dan
- (v) telah diberi taraf pekerja berpencen.

4.2 Sekiranya tuan/puan seorang pegawai tetap yang dilantik kali pertama ke dalam Perkhidmatan Kerajaan pada atau selepas 12.4.1991 yang memilih untuk terus mencarum ke dalam KWSP sebaik sahaja tuan/puan disahkan dalam jawatan semasa tuan/puan berkhidmat dengan Perkhidmatan Kerajaan, dan tuan/puan telah menolak tawaran untuk berkhidmat dengan -----, maka tuan/puan

akan dibersarakan di bawah subperenggan 10(5)(b) dibaca bersama-sama subseksyen 6A(6) Akta Pencen 1980. Tuan/Puan tidak layak dibayar apa-apa pencen, ganjaran atau faedah yang lain di bawah Akta Pencen 1980. Bagi maksud ini tuan/puan dikehendaki mengisi **Lampiran IIIA** bersama-sama **Lampiran IIID**.

- 4.3 Sekiranya tuan/puan merupakan pegawai tetap yang dilantik kali pertama ke dalam Perkhidmatan Kerajaan dan masih menjalani tempoh percubaan atau merupakan pegawai sementara yang menolak tawaran untuk berkhidmat dengan -----, maka tuan/puan hendaklah menamatkan perkhidmatan tuan/puan dengan Perkhidmatan Kerajaan dengan mengisi **Lampiran IIIA** bersama-sama **Lampiran IIIE**.

## 5. JAWAPAN PEGAWAI

- 5.1 Tuan/Puan dikehendaki memberi jawapan sama ada menerima atau tidak tawaran untuk berkhidmat dengan ----- dengan mengisi borang yang berkaitan. Jawapan tuan/puan hendaklah sampai di pejabat ini sebelum atau pada ----- .
- 5.2 Tuan/Puan yang termasuk dalam golongan di perenggan 3.1 dan 3.2 di atas yang dikehendaki bersara di bawah subseksyen 12A(1) Akta Pencen 1980 sebelum memasuki perkhidmatan ----- di bawah Skim A atau Skim B, dikehendaki mengisi **Lampiran IIIA** bersama-sama **Lampiran IIIB**.
- 5.3 Tuan/Puan yang termasuk dalam golongan di perenggan 3.3 di atas yang memilih untuk bersara di atas pilihan sendiri di bawah subseksyen 12(1) Akta Pencen 1980, dikehendaki mengisi **Lampiran IIIA** bersama-sama **Lampiran IIIC**.
- 5.4 Tuan/Puan yang termasuk dalam golongan di perenggan 3.4, 4.1 atau 4.2 di atas yang akan dibersarakan atas alasan penghapusan jawatan di

bawah subperenggan 10(5)(b) Akta Pencen 1980 bagi membolehkan tuan/puan memasuki perkhidmatan ----- atau menolak tawaran tersebut dan dibersarakan terus daripada Perkhidmatan Kerajaan, dikehendaki mengisi **Lampiran IIIA** bersama-sama dengan **Lampiran IIID**.

- 5.5 Tuan/Puan yang termasuk dalam golongan di perenggan 3.5 atau 4.3 di atas, sama ada bersetuju untuk memasuki perkhidmatan ----- atau memilih untuk menamatkan perkhidmatan tuan/puan dengan Kerajaan tanpa menerima tawaran -----, dikehendaki mengemukakan Notis Penamatan Perkhidmatan kepada Kerajaan secara bertulis dengan mengisi **Lampiran IIIA** bersama-sama **Lampiran IIIE**.
6. Sekiranya tuan/puan gagal mengembalikan borang yang berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan, tuan/puan akan dianggap sebagai telah menolak tawaran untuk berkhidmat dengan ----- . Tuan/Puan seterusnya akan dibersarakan di bawah subperenggan 10(5)(b) Akta Pencen 1980.
7. Sekiranya dalam tempoh opsyen ini ditawarkan sehingga ia dikuatkuasakan, tuan/puan dibuang kerja atau dibersarakan atas sebab kesihatan, atau berhenti atau ditamatkan dari Perkhidmatan Kerajaan, pilihan tuan/puan untuk berkhidmat dengan ----- adalah terbatal dengan sendirinya.
8. Pilihan tuan/puan sebaik sahaja dibuat adalah **MUKTAMAD** dan tidak boleh dipinda atau ditarik balik.
9. Walaupun tawaran ini adalah selaras dengan perkara yang diliputi oleh undang-undang pencen yang terpakai bagi tuan/puan, ianya tidak boleh dianggap sebagai menggantikan undang-undang pencen tersebut. Sekiranya terdapat apa-apa ketidakseimbangan atau percanggahan di antara apa yang dinyatakan dalam surat tawaran ini dan **undang-undang pencen** yang berkuatkuasa sekarang, undang-undang pencen tersebut **akan mengatasi** apa yang dinyatakan dalam surat tawaran ini.

Sekian, terima kasih.

**" BERKHIDMAT UNTUK NEGARA "**

Saya yang menurut perintah,

.....  
( )

Setiausaha

Kementerian ..... Malaysia.

Ketua Setiausaha,  
Kementerian -----  
-----  
-----

Melalui:  
-----  
-----

Tuan:

**TAWARAN UNTUK BERKHIDMAT DENGAN -----**

Berhubung dengan surat tuan bil. ----- bertarikh ----- mengenai perkara di atas, maka dengan ini saya membuat pilihan seperti di bawah:

(1) Pilihan 1: **BERSETUJU UNTUK MENERIMA TAWARAN -**

- (i) SKIM A - BERKHIDMAT DENGAN ----- DI BAWAH TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN YANG SERUPA DENGAN SKIM PERKHIDMATAN KERAJAAN DARI SEGI GAJI, ELAUN, IMBUHAN, KEMUDAHAN CUTI DAN RAWATAN PERUBATAN.

Bersetuju menerima tawaran untuk berkhidmat sebagai pegawai -----  
----- di bawah TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN SKIM A.

**ATAU**

- (ii) SKIM B - BERKHIDMAT DENGAN ----- DI BAWAH TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN -----



Bersetuju menerima tawaran untuk berkhidmat sebagai pegawai  
----- di bawah TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN  
SKIM B, iaitu Skim Perkhidmatan Syarikat.

**ATAU**

(2) Pilihan II: **TIDAK MENERIMA TAWARAN UNTUK BERKHIDMAT DENGAN**  
.....

Tidak bersetuju menerima tawaran untuk berkhidmat sebagai pegawai -----  
-----.

2. Adalah saya dengan sesungguhnya faham kandungan surat tawaran tuan dan mengetahui bahawa pilihan yang telah saya buat adalah **MUKTAMAD**.

Tandatangan : .....  
Nama Penuh : .....  
No. K/P : .....  
Jawatan : .....  
Tarikh Lahir : .....  
Alamat : .....  
  
Tarikh : .....

- NOTA:**
1. Di bawah Pilihan I -
    - (i) Sekiranya memilih SKIM A - sila potong seluruh ruangan SKIM B dan Pilihan II; dan
    - (ii) Sekiranya memilih SKIM B - sila potong seluruh SKIM A dan Pilihan II.
  2. Di bawah Pilihan II -  
  
Sila potong seluruh ruangan Pilihan I, SKIM A dan SKIM B.

Ketua Setiausaha,  
Kementerian -----  
-----  
-----

Melalui:  
-----  
-----

Tuan:

**PERSARAAN DI BAWAH SEKSYEN 12A AKTA PENCEN 1980**

Saya dengan ini memilih untuk menerima pencen, ganjaran atau faedah yang lain apabila saya mencapai umur –

(1) **Pegawai Tetap Yang Belum Mencapai Umur 45 Tahun (Bagi Perempuan) Atau 50 Tahun (Bagi Lelaki) Yang Dilantik Ke Dalam Perkhidmatan Kerajaan Sebelum 16 Mei 1986.**

(a) Di bawah Skim A:

45 tahun (bagi perempuan)

**ATAU**

50 tahun (bagi lelaki);

**ATAU**

55 tahun

(b) Di bawah Skim B:

45 tahun (bagi perempuan)

**ATAU**

50 tahun (bagi lelaki)

(2) **Pegawai Tetap Yang Belum Mencapai Umur 45 Tahun (Bagi Perempuan) Atau 50 Tahun (Bagi Lelaki) Yang Dilantik Ke Dalam Perkhidmatan Kerajaan Pada Atau Selepas 16 Mei 1986.**

(a) Di bawah Skim A:

55 tahun

(b) Di bawah Skim B:

45 tahun (bagi perempuan)

**ATAU**

50 tahun (bagi lelaki)

Sekian, terima kasih.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama : \_\_\_\_\_  
No. K/P : \_\_\_\_\_  
Tarikh Lahir : \_\_\_\_\_  
Jawatan : \_\_\_\_\_  
Alamat : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_

**NOTA:**

Sila tanda ( ✓ ) dalam kotak mengikut pilihan dan potong ruangan yang tidak berkenaan.

**Lampiran IIIC**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian -----  
-----  
-----

Melalui:  
-----  
-----

Tuan:

**PERSARAAN PILIHAN SENDIRI DI BAWAH  
SUBSEKSYEN 12(1) AKTA PENCEN 1980**

Saya akan mencapai umur ----- tahun pada tarikh penswastaaan/peng korporatan. Oleh itu saya memohon untuk bersara di atas pilihan sendiri dari Perkhidmatan Kerajaan di bawah subseksyen 12(1) Akta Pencen 1980 mulai ----- Dimaklumkan bahawa saya telah menerima tawaran untuk berkhidmat dengan ----- di bawah SKIM B.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan	:	-----
Nama	:	-----
No. K/P	:	-----
Jawatan	:	-----
Tarikh Lahir	:	-----
Alamat	:	----- -----
Tarikh	:	-----

**Lampiran IIID**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian -----  
-----  
-----

Melalui:  
-----  
-----  
-----

Tuan:

**BERSARA DI ATAS ALASAN PENGHAPUSAN JAWATAN DI BAWAH  
SUBPERENGGAN 10(5)(b) AKTA PENCEN 1980 BERIKUTAN  
PENSWASTAAN/PENKORPORATAN .....**

Saya ----- dengan ini bersetuju untuk dibersarakan di atas alasan penghapusan jawatan di bawah subperenggan 10(5)(b) Akta Pencen 1980 mulai -----.

2. Dimaklumkan bahawa saya:

(i) telah bersetuju menerima tawaran untuk berkhidmat dengan -----  
----- di bawah Skim B;

**ATAU**

(ii) telah menolak tawaran untuk berkhidmat dengan -----  
----- dan bersetuju untuk dibersarakan daripada perkhidmatan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan : -----

Nama : -----

No. K/P : -----

Tarikh Lahir : -----

Jawatan : -----

Alamat : -----

Tarikh : -----

**NOTA:**

Sila tanda (✓) dalam kotak mengikut pilihan dan potong ruangan yang tidak berkenaan.

## Lampiran III E

Ketua Setiausaha,  
Kementerian -----  
-----  
-----

Melalui:

-----  
-----

Tuan:

### NOTIS PENAMATAN PERKHIDMATAN

Saya ----- dengan ini memberi Notis Penamatan Perkhidmatan kepada Kerajaan berikutan dengan penswastaaan/peng korporatan ----- mulai ----- . Notis ini akan mula berkuatkuasa pada tarikh yang sama.

2. Dimaklumkan bahawa saya:

(i) bersetuju menerima tawaran untuk berkhidmat dengan -----  
----- di bawah Skim B;

### ATAU

(ii) telah menolak tawaran untuk berkhidmat dengan ----- dan dengan ini menamatkan perkhidmatan saya dengan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

Tandatangan : -----

Nama : -----

No. K/P : \_\_\_\_\_  
Tarikh Lahir : \_\_\_\_\_  
Jawatan : \_\_\_\_\_  
Alamat : \_\_\_\_\_  
Tarikh : \_\_\_\_\_

**NOTA**

Sila tanda (✓) dalam kotak mengikut pilihan dan potong ruangan yang tidak berkenaan.



CONTOH

**KERTAS OPSYEN UNTUK PEKERJA PIHAK  
BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN**

Rujukan :

Tarikh :

.....  
.....  
.....  
.....

Tuan/Puan:

**PEMBERITAHU MENGENAI PENSWASTAAN/  
PENGKORPORATAN -----**

Dengan hormatnya dimaklumkan bahawa Kerajaan telah memutuskan untuk menswastakan/mengkorporatkan ..... berkuatkuasa pada ..... Sehubungan dengan itu, tuan/puan adalah ditawarkan untuk berkhidmat dengan ....., mulai daripada tarikh yang sama.

2. Perkhidmatan tuan/puan dengan ..... akan ditamatkan pada tarikh ianya dikorporatkan/diswastakan. Untuk tujuan tersebut, tindakan tertentu perlu diambil bagi memastikan urusan berkaitan dengan perkara ini dapat dilaksanakan dengan lancar dan sempurna, mengikut peraturan yang sedia ada.

3. Tindakan yang perlu diambil adalah berbeza, bergantung kepada taraf serta gred jawatan tuan/puan di dalam perkhidmatan sekarang. Tuan/Puan hendaklah memastikan bahawa tindakan tersebut, khususnya dalam pengisian borang yang dilampirkan, adalah yang berkaitan dengan tuan/puan sahaja.

4. Tuan/Puan hendaklah meneliti dan mengambil tindakan ke atas dokumen bertajuk "TAWARAN BERKHIDMAT DENGAN ..... DI BAWAH RANCANGAN PENSWASTAAN/PENKORPORATKAN ....."

5. Jika tuan/puan mempunyai masalah atau kemusykilan berhubung dengan perkara di atas, sila hubungi Bahagian ..... di Kementerian ini di alamat seperti di atas untuk penjelasan lanjut.

6. Satu taklimat mengenai perkara ini akan diadakan di tempat, tarikh dan masa yang akan ditetapkan kelak.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

( )  
Ketua Setiausaha,  
Kementerian .....Malaysia

**FORMAT KERTAS OPSYEN UNTUK PEKERJA  
PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN  
(Akta 239)**

**(Kepala Surat)**

---

Rujukan:

Tarikh :

---

---

---

Tuan/Puan:

**TAWARAN BERKHIDMAT DENGAN ..... DI BAWAH  
RANCANGAN PENSWASTAAN/PENKORPORATAN .....**

Adalah dimaklumkan bahawa berikutan dengan keputusan Kerajaan menswastakan / mengkorporatkan ....., tuan/puan dengan sukacitanya ditawarkan untuk berkhidmat dengan ..... berkuatkuasa pada ..... Tawaran tersebut diedarkan bersama-sama ini untuk rujukan dan tindakan tuan/puan.

2. .... menawarkan dua jenis Terma dan Syarat Perkhidmatan (Skim). Tuan/Puan dikehendaki memilih salah satu daripada dua skim tersebut sekiranya bersetuju menerima tawaran untuk berkhidmat dengan syarikat berkenaan. Skim yang dimaksudkan itu adalah seperti berikut:

**2.1 Skim A**

Skim A ialah Terma dan Syarat Perkhidmatan yang mengandungi syarat perkhidmatan yang serupa seperti yang diterimapakai oleh ..... sekarang, iaitu dari segi gaji, elaun, imbuhan, kemudahan cuti dan rawatan perubatan, termasuk apa-apa pindaan dan semakan yang dibuat oleh Kerajaan dari semasa ke semasa. Skim ini tidak merangkumi bayaran bonus atau hak pemilikan saham yang dikeluarkan oleh

..... Ringkasan Terma dan Syarat Perkhidmatan Skim A dilampirkan bersama dengan surat tawaran dari .....

## **2.2 Skim B**

Skim B ialah Terma dan Syarat Perkhidmatan ..... Skim ini meliputi hak untuk menikmati bonus, jika ada, dan juga hak untuk memiliki saham yang ditawarkan oleh ..... kepada pekerjaanya. Terma dan syarat Perkhidmatan Skim B dilampirkan bersama dengan surat tawaran dari .....

### **3. PEKERJA TETAP YANG MEMILIH UNTUK BERKHIDMAT DENGAN .....**

#### **3.1 Pekerja Tetap Yang Belum Mencapai Umur 45 Tahun (Bagi Perempuan) Atau 50 Tahun (Bagi Lelaki) Yang Telah Disahkan Dalam Perkhidmatan**

Sekiranya tuan/puan seorang pekerja tetap yang dilantik dalam perkhidmatan ..... dan telah disahkan dalam perkhidmatan atau jawatan yang dipegang oleh tuan/puan pada masa itu dalam perkhidmatan ....., tuan/puan belum mencapai umur 45 tahun (bagi perempuan) atau 50 tahun (bagi lelaki) dan telah menerima tawaran untuk berkhidmat sebagai pekerja ....., maka Kerajaan akan menganggap tuan/puan sebagai telah dilantik untuk berkhidmat dengan ..... dengan kelulusan Kerajaan di bawah subseksyen 13(1) Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980. Dalam hal sedemikian:

##### **(a) Skim A**

- (i) Sekiranya tuan/puan memilih untuk berkhidmat dengan ..... di bawah Terma dan Syarat Perkhidmatan Skim A, maka tuan/puan boleh diberi pencen, ganjaran atau faedah yang lain di bawah subseksyen 13(2) Akta Pencen Pihak-

Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 sebaik sahaja tuan/puan mencapai umur 55 tahun. Bagi maksud ini tuan/puan dikehendaki mengisi **Lampiran IVA** sahaja;

- (ii) pencen, ganjaran atau faedah yang lain boleh diberi kepada tuan/puan dengan syarat tuan/puan telah sama ada berkhidmat dengan ..... atau mana-mana subsidiarinya selama suatu tempoh berterusan tidak kurang daripada 5 tahun daripada tarikh tuan/puan meninggalkan perkhidmatan ..... atau sekiranya tuan/puan masih dalam perkhidmatan ..... atau mana-mana subsidiarinya, apabila tuan/puan mencapai umur sedemikian;
- (iii) jika perkhidmatan tuan/puan telah ditamatkan oleh ..... atau mana-mana subsidiarinya atas sebab pengurangan pekerja atau sakit, syarat 5 tahun itu tidak terpakai bagi tuan/puan dan tuan/puan layak menikmati pencen, ganjaran atau faedah yang lain; dan
- (iv) apa-apa tempoh perkhidmatan tuan/puan dengan ..... atau mana-mana subsidiarinya mengikut Terma dan Syarat Perkhidmatan Skim A boleh dimasukirakan bagi maksud perkiraan pencen, ganjaran dan faedah yang lain.

**(b) Skim B**

- (i) Sekiranya tuan/puan memilih untuk berkhidmat dengan ..... di bawah Terma dan Syarat Perkhidmatan Skim B, maka tuan/puan boleh diberi pencen, ganjaran atau faedah yang lain apabila tuan/puan mencapai umur 45 tahun (bagi perempuan) atau 50 tahun (bagi lelaki). Bagi maksud ini, tuan/puan hendaklah mengisi **Lampiran IVA** sahaja;
- (ii) Pencen, ganjaran atau faedah yang lain boleh diberi kepada tuan/puan dengan syarat tuan/puan telah sama ada berkhidmat

dengan ..... atau mana-mana subsidiarinya selama satu tempoh berterusan tidak kurang daripada 5 tahun dari tarikh tuan/puan meninggalkan perkhidmatan ..... atau mana-mana subsidiarinya apabila tuan/puan mencapai umur sedemikian;

- (iii) Dalam keadaan di mana perkhidmatan tuan/puan telah ditamatkan oleh ..... atau mana-mana subsidiarinya atas sebab pengurangan pekerja atau sakit, syarat 5 tahun itu tidak terpakai bagi tuan/puan dan tuan/puan layak menikmati pencen, ganjaran atau faedah yang lain; dan
- (iv) Apa-apa tempoh perkhidmatan tuan/puan dengan ..... sehingga sehari sebelum tarikh penswastaan/peng korporatan, boleh dimasukirakan bagi maksud perkiraan pencen, ganjaran atau faedah yang lain.

### **3.2 Pekerja Tetap Yang Telah Mencapai Umur Persaraan Pilihan Sendiri**

3.2.1 Sekiranya tuan/puan telah mencapai umur 40 tahun atau lebih dan menerima tawaran untuk berkhidmat dengan ....., tuan/puan boleh memohon untuk bersara secara pilihan sendiri di bawah subseksyen 12(1) Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 dengan mengisi **Lampiran IVA** bersama-sama **Lampiran IVB**, dan tuan/puan akan dibersarakan mulai ..... Dalam hal ini, tuan/puan akan diberi pencen, ganjaran atau faedah yang lain atas persaraan sedemikian dengan syarat pada tarikh persaraan tuan/puan:

- (a) adalah seorang pekerja tetap;
- (b) telah disahkan dalam jawatan yang terakhir dipegang oleh tuan/puan semasa di dalam perkhidmatan ..... atau sekiranya masih berada dalam

tempoh percubaan dalam jawatan terakhir tersebut, tuan/puan telah disahkan dalam jawatan sebelumnya di dalam perkhidmatan .....

- (c) telah diberi taraf pekerja berpencen; dan
- (d) telah genap tempoh perkhidmatan tidak kurang daripada 10 tahun yang boleh dimasukkan.

Bagi maksud ini, tuan/puan hanya dibenarkan memasuki perkhidmatan di bawah Terma dan Syarat Perkhidmatan Skim B.

3.2.2 Bagi tuan/puan yang dilantik ke dalam perkhidmatan ..... sebelum 12.4.1991 dan memilih untuk bersara di bawah subseksyen 12(1) Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980, tuan/puan layak dibayar pencen sebaik sahaja tuan/puan mencapai umur 45 atau 50 tahun, mengikut mana yang berkenaan.

3.2.3 Bagi tuan/puan yang dilantik dalam perkhidmatan ..... pada atau selepas 12.4.1991, dan memilih untuk bersara di bawah subseksyen 12(1) Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980, tuan/puan layak dibayar pencen sebaik sahaja mencapai umur 55 tahun.

3.2.4 Bagi tuan/puan yang dilantik ke dalam perkhidmatan -----, sama ada sebelum, pada atau selepas 12.4.1991, dan memilih untuk bersara di bawah subseksyen 12(1) Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980, tuan/puan layak dibayar ganjaran atau faedah yang lain sebaik sahaja tuan/puan bersara dari perkhidmatan .....

### 3.3 **Pekerja Tetap Yang Mencarum Ke Dalam Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)**

3.3.1 Sekiranya tuan/puan merupakan pekerja tetap yang dilantik kali pertama di dalam perkhidmatan ..... pada atau selepas 12.4.1991 dan telah memilih untuk terus mencarum ke dalam KWSP sebaik sahaja tuan/puan disahkan dalam perkhidmatan, tuan/puan boleh dibersarakan atas alasan penghapusan jawatan di bawah subperenggan 10(5)(b) dibaca bersama-sama subseksyen 6A(6) Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 mulai ....., bagi membolehkan tuan/puan berkhidmat dengan ..... Tuan/Puan tidak layak dibayar apa-apa pencen, ganjaran atau faedah yang lain di bawah Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980. Bagi maksud ini tuan/puan hendaklah mengisi **Lampiran IVA** bersama-sama **Lampiran IVC**.

3.3.2 Sekiranya tuan/puan pegawai tetap yang mencarum kepada KWSP semasa tuan/puan berkhidmat dengan ....., tuan/puan hendaklah terlebih dahulu menamatkan perkhidmatan tuan/puan dengan ..... Notis Penamatan Perkhidmatan tuan/puan hendaklah dibuat secara bertulis dengan menggunakan **Lampiran IVA** bersama-sama **Lampiran IVD**, dan ia hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh penswastaaan/peng korporatan. Tuan/Puan tidak dikehendaki membayar sebulan gaji walaupun notis yang diberikan kurang daripada tempoh yang ditetapkan. Sebaik sahaja tuan/puan menerima tawaran ....., tuan/puan dianggap sebagai telah berhenti daripada perkhidmatan ..... dan dianggap sebagai telah memasuki perkhidmatan ..... di bawah Skim B sahaja.



**3.4 Pekerja Tetap Yang Dilantik Kali Pertama Ke Dalam Perkhidmatan Pihak Berkuasa Berkanun Dan Tempatan Dan Masih Berada Dalam Tempoh Percubaan dan Pekerja Sementara**

3.4.1 Sekiranya tuan/puan merupakan pekerja tetap yang dilantik pertama kali ke dalam perkhidmatan ..... dan masih menjalani tempoh percubaan yang telah ditetapkan, atau merupakan pekerja sementara, tuan/puan hendaklah menamatkan perkhidmatan tuan/puan dengan ..... terlebih dahulu sebelum tuan/puan boleh berkhidmat dengan ..... Notis Penamatan Perkhidmatan tuan/puan hendaklah dibuat secara bertulis dengan menggunakan **Lampiran IVA** bersama-sama **Lampiran IVD**, dan ia hendaklah berkuatkuasa mulai .....

3.4.2 Sebaik sahaja tuan/puan menerima surat tawaran untuk berkhidmat dengan ....., tuan/puan disifatkan sebagai telah menamatkan perkhidmatan dengan ..... mulai ....., tanpa dikehendaki membayar sebulan gaji sebagai menggantikan notis yang tidak cukup.

**3.5 Pekerja Tetap Yang Telah Disahkan Dalam Jawatan Terdahulu Tetapi Belum Disahkan Dalam Jawatan Terakhir Semasa Di Dalam Perkhidmatan .....**

Sekiranya tuan/puan telah disahkan dalam jawatan tuan/puan yang terdahulu semasa berada di dalam pekhidmatan ..... tetapi tuan/puan masih lagi berada di dalam tempoh percubaan dalam jawatan terakhir yang tuan/puan sandang di dalam perkhidmatan ..... sehari sebelum tarikh penswastan / pengkorporatan ....., maka gaji yang akhir diterima bagi jawatan tuan/puan terdahulu yang tuan/puan telah disahkan adalah terpakai bagi maksud perkiraan pencen, ganjaran atau faedah yang lain sebagaimana diperuntukkan di bawah subseksyen

5(2), Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980.

**4. PEKERJA YANG MENOLAK TAWARAN UNTUK BERKHIDMAT DENGAN .....**

4.1 Tuan/Puan yang menolak tawaran untuk berkhidmat dengan ..... akan dibersarakan dari perkhidmatan ..... di bawah subperenggan 10(5)(b) Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 mulai ....., memandangkan jawatan terakhir yang tuan/puan sandang di dalam perkhidmatan ..... akan dimansuhkan mulai daripada tarikh tersebut. Bagi maksud ini, tuan/puan hendaklah mengisi **Lampiran IVA** bersama-sama **Lampiran IVC**. Tuan/Puan boleh diberi pencen, ganjaran atau faedah yang lain sekiranya tuan/puan:

- (a) seorang pekerja tetap;
- (b) telah disahkan dalam jawatan yang terakhir yang dipegang oleh tuan/puan semasa di dalam perkhidmatan ..... atau sekiranya masih berada dalam tempoh percubaan dalam jawatan terakhir tersebut, telah disahkan dalam jawatan sebelumnya, di dalam perkhidmatan .....
- (c) telah mempunyai tempoh perkhidmatan yang boleh dimasukirakan tidak kurang daripada 3 tahun; dan
- (d) telah diberi taraf pekerja berpencen.

4.2 Sekiranya tuan/puan merupakan pekerja tetap yang dilantik kali pertama ke dalam perkhidmatan ..... pada atau selepas 12.4.1991 yang memilih untuk terus mencarum ke dalam KWSP sebaik sahaja tuan/puan disahkan dalam jawatan semasa tuan/puan berkhidmat dengan ....., dan tuan/puan telah menolak

tawaran untuk berkhidmat dengan ....., maka tuan/puan akan dibersarakan di bawah subperenggan 10(5)(b) dibaca bersama-sama subseksyen 6A(6) Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980. Tuan/Puan tidak layak dibayar apa-apa pencen, ganjaran atau faedah lain di bawah Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980. Bagi maksud ini tuan/puan dikehendaki mengisi **Lampiran IVA** dan **Lampiran IVC**.

4.3 Sekiranya tuan/puan seorang pekerja tetap yang mencarum kepada KWSP semasa tuan/puan berkhidmat dengan ....., dan tuan/puan telah menolak tawaran untuk berkhidmat dengan ....., tuan/puan hendaklah menamatkan perkhidmatan dengan menghantar Notis Penamatan Perkhidmatan secara bertulis seperti di **Lampiran IVA** bersama-sama **Lampiran IVD**.

4.4 Sekiranya tuan/puan merupakan pekerja tetap yang dilantik kali pertama ke dalam perkhidmatan ..... dan sedang menjalani tempoh percubaan yang ditetapkan, atau merupakan pekerja sementara yang menolak tawaran untuk berkhidmat dengan ....., maka tuan/puan hendaklah menamatkan perkhidmatan tuan/puan dengan ..... melalui Notis Penamatan Perkhidmatan secara bertulis dengan mengisi **Lampiran IVA** bersama-sama **Lampiran IVD**.

## 5. JAWAPAN PEKERJA

5.1 Tuan/Puan dikehendaki memberi jawapan sama ada menerima atau menolak tawaran untuk berkhidmat dengan ..... dengan mengisi borang yang berkaitan. Jawapan tuan/puan hendaklah sampai di pejabat ini sebelum atau pada .....

5.2 Tuan/Puan yang termasuk dalam golongan di perenggan 3.1 di atas yang dikehendaki bersara di bawah subseksyen 13(1) Akta Pencen

Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 sebelum memasuki perkhidmatan ..... di bawah Skim A atau Skim B, dikehendaki mengisi **Lampiran IVA** sahaja.

5.3 Tuan/Puan yang termasuk dalam golongan di perenggan 3.2 di atas yang memilih untuk bersara di atas pilihan sendiri di bawah subseksyen 12(1) Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980, dikehendaki mengisi **Lampiran IVA** bersama-sama **Lampiran IVB**.

5.4 Tuan/Puan yang termasuk dalam golongan di perenggan 3.3.1, 4.1 atau 4.2 di atas yang akan dibersarakan atas alasan penghapusan jawatan di bawah subperenggan 10(5)(b) Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 sama ada bagi membolehkan tuan/puan memasuki perkhidmatan ..... atau menolak tawaran ..... tersebut dan dibersarakan terus daripada perkhidmatan ....., dikehendaki mengisi **Lampiran IVA** bersama-sama **Lampiran IVC**.

5.5 Tuan/Puan yang termasuk dalam golongan di perenggan 3.3.2 dan 3.4 atau 4.3 dan 4.4 di atas, yang dikehendaki menamatkan perkhidmatan tuan/puan dengan ..... terlebih dahulu, sama ada tuan/puan bersetuju untuk memasuki perkhidmatan ....., atau menolak tawaran tersebut, tuan/puan hendaklah mengemukakan Notis Penamatan Perkhidmatan kepada ..... dengan mengisi **Lampiran IVA** bersama-sama **Lampiran IVD**.

6. Sekiranya tuan/puan gagal mengembalikan borang yang berkenaan dalam tempoh yang ditetapkan, atau membuat pilihan dengan bersyarat, tuan/puan akan dianggap sebagai telah menolak tawaran untuk berkhidmat dengan ..... dan tuan/puan seterusnya akan dibersarakan di bawah subperenggan 10(5)(b) Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980.

7. Sekiranya dalam tempoh pilihan ini ditawarkan sehingga ia dikuatkuasakan tuan/puan telah dibuang kerja atau telah dibersarakan atas sebab kesihatan atau berhenti atau ditamatkan dari perkhidmatan ....., pilihan tuan/puan untuk berkhidmat dengan ..... adalah terbatal dengan sendirinya.

8. Pilihan tuan/puan adalah **MUKTAMAD** dan tidak boleh dipinda atau ditarik balik.

9. Walaupun tawaran ini selaras dengan peruntukan undang-undang pencen yang terpakai bagi tuan/puan, ianya tidak boleh dianggap sebagai menggantikan undang-undang berkenaan. Sekiranya terdapat apa-apa ketidakseimbangan atau percanggahan di antara apa yang dinyatakan dalam surat tawaran ini dan undang-undang pencen yang berkuatkuasa sekarang, undang-undang pencen tersebut akan mengatasi apa yang dinyatakan dalam surat tawaran ini.

Sekian, terima kasih.

### "BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,

.....  
( )  
Ketua Setiausaha,  
Kementerian ..... Malaysia.

**Lampiran IVA**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian .....  
.....  
.....

Melalui:  
.....  
.....  
.....

Tuan:

**TAWARAN UNTUK BERKHIDMAT DENGAN .....**

Berhubung dengan surat tuan bil. .... bertarikh ..... mengenai perkara di atas, maka dengan ini saya membuat pilihan seperti di bawah:

- (1) Pilihan 1: **BERSETUJU UNTUK MENERIMA TAWARAN**
- (i) SKIM A - BERKHIDMAT DENGAN ..... DI BAWAH TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN YANG MENAWARKAN GAJI, ELAUN, IMBUHAN, KEMUDAHAN CUTI DAN RAWATAN PERUBATAN YANG SERUPA DENGAN SKIM PERKHIDMATAN PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN.

Bersetuju menerima tawaran untuk berkhidmat sebagai pekerja ..... di bawah TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN SKIM A;

**ATAU**

(ii) SKIM B - BERKHIDMAT DENGAN ..... DI  
BAWAH TERMA DAN SYARAT PERKHIDMATAN  
.....

Bersetuju menerima tawaran berkhidmat sebagai pekerja  
..... di bawah TERMA DAN SYARAT  
PERKHIDMATAN SKIM B, iaitu Skim Perkhidmatan Syarikat.

**ATAU**

(2) Pilihan II: **TIDAK MENERIMA TAWARAN UNTUK BERKHIDMAT  
DENGAN .....**

Tidak bersetuju menerima tawaran untuk berkhidmat sebagai pekerja  
.....

2. Adalah saya dengan sesungguhnya faham kandungan surat tawaran tuan dan mengetahui bahawa pilihan yang telah saya buat adalah **MUKTAMAD**.

Tandatangan : \_\_\_\_\_  
Nama Penuh : \_\_\_\_\_  
No. K/P : \_\_\_\_\_  
Jawatan : \_\_\_\_\_  
Tarikh Lahir : \_\_\_\_\_  
Alamat : \_\_\_\_\_  
  
Tarikh : \_\_\_\_\_

**NOTA:**

1. Di bawah Pilihan I:

- (i) Sekiranya memilih SKIM A - sila potong seluruh ruangan SKIM B dan Pilihan II
- (ii) Sekiranya memilih SKIM B - sila potong seluruh SKIM A dan Pilihan II

2. Di bawah Pilihan II:

Sila potong seluruh ruangan Pilihan I, SKIM A dan SKIM B.



**Lampiran IVB**

Ketua Setiausaha,  
Kementerian .....  
.....  
.....

Melalui:  
.....  
.....

Tuan:

**PERSARAAN PILIHAN SENDIRI DI BAWAH SUBSEKSYEN 12(1) AKTA  
PENCEN PIHAK-PIHAK BERKUASA BERKANUN DAN TEMPATAN 1980**

Saya akan mencapai umur ..... tahun pada tarikh penswastan / pengkorporatan ..... Dengan yang demikian, saya memohon untuk bersara di atas pilihan sendiri dari Perkhidmatan Kerajaan di bawah subseksyen 12(1) Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 mulai ..... Dimaklumkan bahawa saya telah menerima tawaran untuk berkhidmat dengan ..... di bawah SKIM B;

Sekian, terima kasih.

Tandatangan : .....  
Nama Penuh : .....  
No. K/P : .....  
Jawatan : .....  
Tarikh Lahir : .....  
Alamat : .....  
.....  
.....  
.....  
Tarikh : .....

Lampiran IVC

Ketua Setiausaha,  
Kementerian .....  
.....  
.....

Melalui:  
.....  
.....

Tuan:

**BERSARA ATAS ALASAN PENGHAPUSAN JAWATAN DI BAWAH  
SUBPERENGGAN 10(5)(b) AKTA PENCEN PIHAK-PIHAK BERKUASA  
BERKANUN DAN TEMPATAN 1980 BERIKUTAN PENSWASTAAN /  
PENGKORPORATAN.....**

Saya ..... dengan ini bersetuju untuk dibersarakan di  
atas alasan penghapusan jawatan di bawah subperenggan 10(5)(b) Akta  
Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan 1980 mulai  
.....

2. Dimaklumkan bahawa saya:

(i) telah bersetuju menerima tawaran untuk berkhidmat dengan  
..... di bawah Skim B;

**ATAU**

(ii) telah menolak tawaran untuk berkhidmat dengan  
..... dan bersetuju untuk dibersarakan  
daripada perkhidmatan .....

Sekian, terima kasih.

Tandatangan : .....  
Nama Penuh : .....  
No. K/P : .....

Tarikh Lahir : .....

Jawatan : .....

Alamat : .....

Tarikh : .....

**NOTA:**

Sila tanda (✓) dalam kotak mengikut pilihan dan potong ruangan yang tidak berkenaan.

Ketua Setiausaha,  
Kementerian .....  
.....  
.....

Melalui:  
.....  
.....

Tuan:

**NOTIS PENAMATAN PERKHIDMATAN**

Saya ..... dengan ini memberi Notis Penamatan Perkhidmatan kepada ..... berikutan dengan penswastaaan/peng korporatan ..... mulai ..... Notis ini akan mula berkuatkuasa pada tarikh yang sama.

2. Dimaklumkan bahawa saya:

(i) bersetuju menerima tawaran untuk berkhidmat dengan ..... di bawah Skim B;

**ATAU**

(iii) telah menolak tawaran untuk berkhidmat dengan ..... dan dengan ini menamatkan perkhidmatan saya dengan .....

Sekian, terima kasih.

Tandatangan : .....  
Nama Penuh : .....  
No. K/P : .....  
Tarikh Lahir : .....  
Jawatan : .....

Alamat : .....

Tarikh : .....

**NOTA:**

Sila tanda (✓) dalam kotak mengikut pilihan dan potong ruangan yang tidak berkenaan.

## DOKUMEN PERSARAAN

Dokumen persaraan yang perlu disediakan adalah seperti berikut:

**(a) Kelulusan Tempoh Perkhidmatan:**

- (i) Kertas Opsyen (1 salinan)
- (ii) Surat Pengesahan bebas daripada tindakan tatatertib / mahkamah (1 salinan)
- (iii) Kenyataan Perkhidmatan dan Cuti (1 salinan)
- (iv) PEN 15: Opsyen di bawah Peraturan 10 Peraturan-Peraturan Pencen 1980 (3 salinan)
- (v) PEN 16: Notis Pelepasan Caruman Syer Kerajaan dalam KWSP Untuk Tujuan Pengiraan Pencen/Perakuan Ahli KWSP (3 salinan)

**(b) Pengiraan Faedah Pencen:**

- (i) PEN 1/TAB 1: Borang Permohonan Faedah-Faedah Persaraan / Elaun Kecederaan/Pencen Tanggungan (3 salinan);
- (ii) PEN 10/Tab 4: Sijil Akuan Berhutang/Tidak Berhutang beserta Surat Pelepasan Cukai Pendapatan dan Surat Arahan Potongan Pinjaman Perumahan (1salinan);
- (iii) PEN 13/TAB 5: Gambar berukuran Paspot dan Contoh Tandatangan serta Cap Kedua-dua Ibu Jari Penerima Pencen (1 salinan); dan
- (iv) PEN 14/TAB 6: Cara Bayaran Pencen/Alamat Selepas Bersara (1 Salinan).

**Nota:** Borang PEN digunakan untuk Pegawai Perkhidmatan Awam manakala Borang TAB adalah untuk Pekerja Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan.

**(d) Bayaran Award Wang Tunai Gantian Cuti Rehat  
Kepada Pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan:**

Award wang tunai yang diberi sebagai gantian cuti rehat layak dibayar kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan sebaik sahaja mereka bersara dari Perkhidmatan Kerajaan dengan syarat mereka bersara:

- (i) Atas penghapusan jawatan di bawah subperenggan 10(5)(b), Akta Pencen 1980; atau
- (ii) Pilihan sendiri di bawah seksyen 12, Akta Pencen 1980.

Bagi mereka yang disifatkan bersara di bawah seksyen 12A, Akta Pencen 1980, bagi maksud berkhidmat dengan syarikat sama ada di bawah Skim A atau Skim B, pembayaran award wang tunai ini akan dibekukan dan dibuat sebaik sahaja pekerja berkenaan mencapai umur kelayakan yang ditetapkan di bawah seksyen 12A tersebut.

**(d) Dokumen Untuk Bahagian Pencen**

Dokumen berikut hendaklah dikemukakan kepada Unit Kewangan, Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Aawam secara berasingan:

- (i) Kenyataan Perkhidmatan dan Kenyataan Cuti (1 salinan); dan
- (ii) Kiraan Cuti Rehat yang luput dan yang dikumpul (2 salinan).

(Sila rujuk peraturan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bil. 4 Tahun 1993)

**Nota:**

Bahagian Pencen, Jabatan Perkhidmatan Awam bertanggungjawab membayar award wang tunai gantian cuti rehat kepada pegawai Perkhidmatan Awam Persekutuan sahaja. Bagi pegawai Perkhidmatan Awam Negeri serta Pihak Berkuasa Berkanun dan Tempatan, bayaran akan dibuat oleh pihak berkuasa masing.

**DOKUMEN YANG BERKAITAN DENGAN PENGURUSAN  
PERSONEL AGENSI AWAM YANG AKAN DISWASTAKAN**

Kerajaan Malaysia, **Perlembagaan Persekutuan**

Kerajaan Malaysia, **Pelan Induk Penswastaan**, Unit Perancang Ekonomi,  
Jabatan Perdana Menteri, 1991

Kerajaan Malaysia, **Akta Pencen, 1980 (Akta 227)**

Kerajaan Malaysia, **Akta Pencen Pihak-Pihak Berkuasa Berkanun dan  
Tempatan 1980 (Akta 239)**

Kerajaan Malaysia, **Akta Penyelarasan Pencen, 1980 (Akta 238)**

Kerajaan Malaysia, **Perintah-Perintah Am, Bab A hingga Bab G**

Kerajaan Malaysia, **Arahan Perbendaharaan**

Kerajaan Malaysia, **Akta Acara Kewangan, 1957**

Kerajaan Malaysia, **Akta Pekerjaan 1955 (Akta 265) & Peraturan-  
Peraturan Pekerjaan**

Kerajaan Malaysia, **Akta Kumpulan Wang Simpanan Pekerja 1991 (Akta  
452)**

Kerajaan Malaysia, **Peraturan-Peraturan Pencen 1980  
Peraturan-Peraturan Pencen Pihak-Pihak Berkuasa  
Berkanun Dan Tempatan 1990**